

PENJARA DAN PEMULIHAN

OLEH

NO. MATRIK: 30706

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
(SESSI 1979/80)

KANDUNGAN	MUKA SURAT.
Senarai rajah dan jadual	III-IV
Sinopsis.	V
Penghargaan.	VI.
BAB 1 - TUJUAN DAN LATAR BELAKANG KAJIAN.	
I - Pengenalan.	1 - 5
II - Penerangan konsep.	5 - 10
III - Tujuan dan bidang kajian.	11.
IV - Metodologi kajian.	12 - 13
V - Maninjaui bacaan berkaitan.	14 - 18
VI - Masalah kajian.	18 - 20
BAB 2 - TEORI DAN DASAR PEMULIHAN.	
I - Penjara dan pemulihan - Satu perspektif persejarahan.	21 - 26
II - Dasar pemulihan dan pemulih- an di penjara.	27 - 41
BAB 3 - LATAR BELAKANG DAN RANCANGAN PEMULIHAN DI PENJARA TAIPING.	
I - Struktur pentadbiran- Jabatan Penjara Malaysia.	42 - 46
II - Dasar pemulihan penjara di Malaysia.	47 - 49
III - Jenis-jenis institusi pemulihan.	49 - 52
IV - Klasifikasi banduan dalam Penjara Taiping.	52 - 53

V - Penjara Taiping - Komuniti

dan latar belakang. 54 - 62

VI - Rancangan pemulihan di-

Penjara Taiping. 63.

VII - Rancangan latihan perusahaan. 63 - 70

VIII - Rancangan pelajaran. 70 - 75

IX - Rancangan kabajikan kerohanian. 75 - 76

X - Rancangan dan kegiatan masa larpang. 75 - 77

XI - Kemudahan-kemudahan lain yang ter-
kandung dalam rancangan pemulihan. 77 - 80

BAB 4 - MASALAH PEMULIHAN.

I - Masalah di pihak pentadbiran 80 - 82

II - Masalah di peringkat banduan. 82 - 84

III - Masalah pemulihan di Penjara Taiping. 84.

IV - Masalah di peringkat pentadbiran. 84 - 88

V - Masalah di peringkat banduan. 88 - 91

BAB 5 - KESAN DAN KEJAYAAN SERTA MASA DEPAN PEMULIHAN PENJARA.

I - Kesan dan kejayaan rancangan pemulihan
penjara. 91 - 96

II - Masa depan pemulihan penjara.

Perubahan dari segi teknik pemulihan. 96 - 102.

III - Perancangan baru sistem pemulihan
penjara. 103 - 107.

Danaiul 2.1 Pendekatan bukanan bangku-bangku

Penjara Taiping, Feb. 1976.

SENARAI RAJAH DAN JADUAL.

Rajah 1 Struktur pentadbiran Penjara Malaysia.

Jadual.

- Jadual 1.2 Penjara Malaysia - terikh penubuhan dan kakitangan.

Jadual 1.3 Peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga(1976-80), Jabatan Penjara Malaysia.

Jadual 1.4 Jenis-jenis institusi dan bilangannya.

Jadual 1.5 Institusi penjara di Malaysia.

Jadual 1.6 Bilangan penghuni penjara dan institusi pemulihian di bawah Jabatan Penjara Malaysia, 1974 dan 1979.

Jadual 1.7 Bilangan kakitangan dan banduan dalam Penjara Taiping, 1975 - 1979.

Jadual 1.8 Tempuh hukuman banduan-banduan dalam Penjara Taiping, Mac. 1979.

Jadual 1.9 Pecahan bangsa dan jenis-jenis banduan dalam Penjara Taiping.

Jadual 2.0 Pembahagian banduan di pusat perusahaan Penjara Taiping, 1979.

Jadual 2.1 Pendapatan bulanan bengkel-bengkel , Penjara Taiping, Feb. 1978.

- Jadual 2.2 Kadar bayaran bagi banduan dalam Penjara Taiping.
- Jadual 2.3 Jenis-jenis klas yang dijalankan dan jumlah pelajar di seksi pelajaran.
- Jadual 2.4 Jadual berjumpa banduan di Penjara Taiping.
- Jadual 2.5 Kadar recidivism di kalangan bekas-bekas banduan antara tahun 1971-1973.

SINOPSIS.

Kajian ini dijalankan atas kesedaran akan kurangnya kajian dan penyelidikan yang ilmiah keatas fungsi pemulihan penjara di negara kita. Jadi atas kesedaran ini, pengkaji akan cuba mendekat dan mendalamkan lagi pemahaman dan pengentahuan masyarakat tentang peranan baru institusi penjara.

Dalam bab pertama, pengkaji menerangkan beberapa aspek yang berkaitan dengan kajian, yakni tujuan kajian dijalankan, bidang serta metodologi yang digunakan dan juga masalah-masalah yang dihadapi oleh pengkaji ketika menjalankan kajian ini. Di bab kedua, pengkaji menumpukan perhatian pada teori-teori pemulihan dan dasar pemulihan yang diamalkan di institusi penjara. Teori-teori ini perlu difahami dalam memudahkan kita memahami bagaimana proses pemulihan berlaku di dalam penjara.

Selanjutnya di bab tiga, pengkaji menghuraikan secara ringkas tentang latar belakang Jabatan Penjara Malaysia dan juga Penjara Taiping. Dalam bab ini pengkaji memaparkan beberapa rancangan pemulihan yang dijalankan di sini, menjadikan bab ini sebagai inti bagi buku ini. Dalam bab keempat, pengkaji menghuraikan masalah-masalah yang dihadapi dalam tugas pemulihan dan cara-cara bagaimana masalah ini dapat diatasi.

Akhir sekali di bab kelima, pengkaji membuat rumusan mengenai kesan dan kejayaan rancangan pemulihan penjara dan juga langkah-langkah yang perlu dalam memperbaiki dan menjayakan cita-cita pemulihan penjara.

PENGHARGAAN.

Pengkaji mengucapkan jutaan terima kasih kepada encik Abdul Hadi Zakaria yang tidak pernah jemu membantu dan memberi tunjuk ajar kepada pengkaji dari awal hingga akhir, sehingga membolehkan lahirnya latihan ilmiah ini.

Tidak lupa juga penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Tuan Nik Ariffin bin Nik Omar, pengarah Penjara Taiping, Tuan Nik Abdul Rahman Fauzi bin haji Abdul Majid, penguasa Penjara Taiping dan encik Donald Wee May Kuen, pegawai perancang dan penyelidik di Jabatan Penjara Malaysia, yang telah bersusah payah membantu pengkaji ketika kajian dijalankan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pegawai-pegawai penjara yang telah membantu pengkaji semasa kajian dijalankan.

Wassallam.

Jabatan Antropologi Sosiologi,

No.Matrik: 30706.

Universiti Malaya,

September 1979.

Pengenalan. — dan kerapan

Pergerakan janayah dari tahun 1963 hingga ketahun 1973 seperti yang tertera di dalam buku Laporan Ekonomi Malaysia 1974/75,¹ adalah begitu membimbangkan. Bilangan kes-kes janayah seperti pembunuhan, rompak, rogol, perasugut, colik, dan sebagainya, terus meningkat dari tahun kesstahun. Kegiatan penjenayah dan antisosial tersebut bukan sahaja mengancam masyarakat, malah mengakibatkan kerugian wang dan harta benda yang tidak sedikit kepada masyarakat dan negara. Walaupun begaimanapun, kebalakangan ini, berkat kejayaan operasi dan rancangan institusi pencegahan dan institusi pemulihan, kegiatan-kegiatan tersebut telah banyak berkurangan.

Berlandaskan atas hekikat ini, secara tegas dapat kita katakan bahawa peranan yang dimainkan oleh institusi penangahian amnya, dan institusi pemulihan khususnya, adalah begitu penting dan perlu dalam mengurangkan perburuan-perburuan janayah dan antisosial dalam masyarakat. Sebarang bentuk kegiatan yang bertentangan dengan nilai-nilai dan peraturan masyarakat harus disekat. Sikap dan pemikiran pasalah yang tidak normal harus diperbaulkan bagi menjamin mereka dapat kembali mengamalkan perlakuan yang dikehendaki dan dipersetujui oleh norma-norma dan peraturan masyarakat. Dengan lain perkataan, pemulihan adalah perlu bagi mengembalikan pasalah kepada keadaan yang normal dan seterusnya dapat pulia mengembalikan mereka kepada masyarakat sebagai ahli masyarakat.

¹ Lihat Malaysia — Laporan Ekonomi 1974/75, Perbadanan Malaysia.

yang memburuk dan berguna.

Di negara kita, usaha-usaha pemulihian dijalankan di institusi penjara, tempat-tempat tahanan dan pusat-pusat pemulihian akhlak bagi pesalah-pesalah dewasa, manakala bagi pesalah-pesalah cude atau kanak-kanak dijalankan di sekolah budak-budak nakal. Walaupun bagaimanapun, dalam kajian ini fokus pengkaji ialah untuk melihat fungsi penjara sebagai egen pemulihian yang penting dalam masyarakat, yang bukan saja sebagai pelindung kepada masyarakat, malah lebih penting sebagai egen pemulihian, pelindung dan pembimbing kepada pesalah.

Penubuhan dan penggunaan institusi penjara di negara kita bukan lagi merupakan suatu yang baru. Sejarah menunjukkan bahawa peranan nya dalam mengelak dan mengurangkan perlakuan anti-social dalam masyarakat, dan seterusnya memulihkan pesalah-pesalah, sudah berfungsi lebih dari satu abad. Di awal sejarahnya penjara hanyalah merupakan tempat untuk mengurung pesalah-pesalah. Pengasingan dan pengurungan ini dianggap berkesan dalam menghalang penerusan sikap dan perlakuan anti-social pesalah. Di dalam penjara mereka dikenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukannya. Mereka didera dengan kerja-kerja berat, makanan dicetukan, malah kadang-kala mereka dikurung seorang diri. Pondek kata, ketika ini penjara lebih dikenali sebagai tempat mendera dan menyiksa pesalah-pesalah. Tindakan ini dianggap dapat menakutkan orang lain dari melakukan kesalahan yang bertentangan dengan nilai-nilai dan peraturan masyarakat.

Hari ini peranan dan dasar institusi penjara telah berubah. Penjara bukanlah lagi tempat menghukum atau menyiksa pesalah, malah ia adalah tempat untuk memulih pesalah-pesalah dari kesesatan mereka. Perubahan dasar dan fungsi tersebut adalah sejajar dengan arus peroduanan bidang psikologi dan juga corak serta saiz penduduk penjara yang mana berbeza jika dibandingkan dengan keadaan di perengkat awal sejarah penubuhannya.

Apa yang berlaku hari ini ialah pertambahan bilangan penduduk penjara yang pesat, yang mana secara langsung menambah beratkan lagi peranan dan tanggungjawab institusi ini. Laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Penjara Malaysia² baru-baru ini menyebutkan bahawa keadaan yang seseak telah dan akan terus berlaku di semua institusi penjara di negara kita. Kesanakan di dalam penjara berlaku akibat pertambahan penduduk penjara yang besar dan pesat berbanding dengan saiz dan kemudahan yang dapat disediakan kepada mereka. Laporan tersebut menyebutkan terdapat hampir 10 000 banduan di 30 buah institusi yang ditadbirkan di bawah Jabatan Penjara Malaysia. Angka ini diwartakan akan meningkat ke 12 000 orang menjelang tahun 1981. Memandangkan kenyataan ini, ternyata bahawa peranan dan tanggungjawab penjara kian bertambah berat dan rumit lagi. Kerumitan ini timbul dalam usaha untuk menyediakan keperluan yang dikehendaki, bagi menjamin setiap banduan dapat menjalankan rancangan pemulihan yang dilibatinya.

² Malay Mail, 9 Ogos 1978.

Kekurangan kemudahan dan akomodasi merupakan satu masalah besar yang mana telah menjadai pencapaian natalamat institusi ini. Seperti yang ditegaskan oleh pengaruhnya,³ sekarang cuma terdapat seramai 1 860 orang warden yang benar-benar mempunyai hubungan rapat dengan banduan. Di Penjara Pudu misalnya, cuma terdapat seramai 252 orang warden berbanding dengan seramai 1 475 orang banduan. Di Penjara Taiping terdapat seramai 356 orang warden berbanding dengan seramai 1 216 orang banduan. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak berkenaan dalam mengatasi masalah ini. Antaranya ialah rancangan pembinaan penjara tambahan di Aler Star dan Johor Bharu, yang dianggarkan dapat menampung seramai antara 1 200 hingga 1 500 orang banduan. Pembinaan Penjara Khas Kajang merupakan satu langkah permulaan dalam modenkan lagi sistem penjara di negara kita. Penjara ini dianggarkan dapat menampung seramai 600 orang banduan.

Dari sini jelas bahawa tanggungjawab yang dimandatkan oleh masyarakat turhadap penjara menjadi semakin berat. Cuma apa yang kita dibangunkan ialah spakah penjara akan terus dapat menjayakan tugas pemulihannya, serentak dengan tugas untuk menujuikan kawalan yang selamat keatas penghuni-penghuninya. Persoalan ini ditimbulkan memandangkan maklumat yang dikeluarkan oleh Jabatan Penjara Malaysia,⁴ mengenai jumlah banduan yang dibebaskan dan yang dimasukkan semula sebagai 'recidivist'. Maklumat tersebut

⁴ Utusan Melayu, 1 Januari 1974.

menyebutkan bahwa pada tahun 1971, dari seramai 5 010 orang bantuan yang dibebaskan, 1 008 orang dimasukkan semula. Pada tahun 1972 seramai 4 838 orang dibebaskan dan dari jumlah ini seramai 954 orang dimasukkan semula. Dari seramai 4 935 orang yang dibebaskan pada tahun 1973, 1 022 orang dimasukkan semula sebagai 'recidivist'.

Dari data tersebut, apa yang menjadi pertanyaan ialah apakah segala bentuk dan dasar pemulihian yang dijalankan di penjara selama ini tidak berkesan atau berfaedah, atau ada faktor lain yang menyebabkan terjadinya hal demikian. Jadi atas kaedah inilah timbulnya inisiatif pengkaji untuk melakukan kajian ini khusus untuk melihat dan menilai akan kepentingan tiap-tiap bentuk dan dasar pemulihian yang dijalankan di institusi penjara di tanahair kita, khasnya di Penjara Taiping.

Penerangan konsep.

Kajian ini bertujuan untuk melihat dan mendalami dasar serta bentuk-bentuk pemulihian yang dijalankan di penjara, khususnya di Penjara Taiping. Justeru itu, apa yang variu difahami ialah apakah yang dimaksudkan dengan konsep 'pemulihian' itu. Usaha-usaha untuk mendefinisikan konsep ini telah banyak dilakukan oleh penulis-penulis Barat, khususnya yang berminat atau terlibat dalam bidang penologi.

Menurut Cooper,⁵ pemulihan dapat dianggap sebagai "....a re-orientation of the offender toward society's values ". Dengan kata lain, pemulihan dimaksudkan sebagai satu proses pembelajaran semula pesalah akan nilai-nilai dan peraturan masyarakatnya. Proses ini perlu dalam mengembalikan pesalah kepada sikap dan perlakuan yang dikehendaki dan dipersetujui oleh masyarakatnya, dan seterusnya meninggalkan sikap anti-sosialnya.

Herbert Kelman dalam tulisannya⁶ cuba menerangkan tiga tahap pemulihan di mana seseorang diadaptasikan dengan perlakuan baru. Peringkat pertama, bergantung kepada kemampuan kuasa dari luar untuk memaksa tunduk kepada peraturan. Kuasa luar ini boleh jadi hukuman atau kekuatan fizikal. Dalam hal ini, kesediaan seseorang untuk mengubah sikap dan perlakuan bukanlah lahir dari kerelaan hatinya sendiri, sebaliknya disebabkan oleh penekanan kuasa luar keatasnya. Cara ini bukanlah suatu yang berkesan dalam mengembali dan seterusnya mengakalkan pesalah di dalam masyarakatnya.

5 H.H.A. Cooper, 'Toward a Rational Doctrine of Rehabilitation, Dlm. Crime and Delinquency, Vol 19, no 2, April 1973, m/s 228.

6 Herbert Kelman, 'Compliance, Identification, and Internalization, Three Processes of Attitude Change, Dlm. Journal of Conflict Resolution, Vol. 2, 1958, m/s 51-60.

Proses kedua pula bergantung kepada kepuasan dalam perhubungannya dengan kumpulan di mana ia berada. Perlakuan begini bukanlah lahir dari kepuasan atau hasil penilaiannya sendiri, sebaliknya adalah kerana ianya bermakna bagi orang lain. Proses ketiga pula bergantung kepada darjah perseujuan seseorang dalam mengakui kesalihannya. Dalam hal ini, kesedaran yang tinggi ujud dalam pengintegrasian diri dengan kumpulan di mana ia berada.

Sementara itu Wright (1956), mendefinisikan pemulihan sebagai ".....the restoration of the individual to a satisfactory physical, psychological, social or vocational status". Definisi ini merujuk kepada kepuasan diri individu dalam perhubungannya dengan individu lain di dalam komunitinya. Dalam hal ini terdapat empat asas yang perlu dilihat, seperti mana yang dikatakan oleh Eric T. Price, iaitu pertama, persefahaman dan kesadaran yang ujud di kalangan pesalah terhadap kehendak-kehendak masyarakatnya yang inginikan perubahan sikapnya. Kedua, perseujuan dalam perhubungannya dengan pihak lain dalam kumpuliannya. Ini bermakna ujudnya perhubungan yang rapat dan bererti, di samping adanya kebebasan dan persefahaman dalam perhubungan tersebut.

Dalam perhubungan begini, kepentingan umum adalah lebih dipentingkan berbanding dengan kepentingan sendiri. Dengan ini kabulahan serta keinginan untuk melakukan amalan yang baik ad-

lah sentiasa bertambah. Ketiga, kebolehan untuk mempelajari perlakuan yang dipersetujui oleh masyarakat dan kesempat, bentuk perhubungan yang ujud di kalangan pasalah dengan masyarakat besar. Perpaduan ini membolehkan berlakunya proses identifikasi di kalangan mereka dengan individu lain yang bukan kriminal. Ini berkaitan dengan pendapat Cressey yang mengatakan bahawa ".....if criminal are to change, they must be assimilated into group which emphasise values conducive to law abiding behavior and concurrently alienated from groups emphasising values conductive to criminality".⁷

Difinisi yang terdapat di dalam Final Report kaluaran Federal Offenders Rehabilitation Program,⁸ menyebutkan pemulihan sebagai; ".....something of catch all whose comfortable blanket cancellation covers, a multitude of possibilities, near possibilities and much outright Utopia".

Konsep pemulihan timbul sebagai akibat tindakbalas institusi mahkamah terhadap perlakuan yang bertentangan dengan nilai, peraturan dan undang-undang masyarakat dan negara. Dengan kata lain konsep ini adalah berkait dengan sistem penologi. Seperti yang

⁷

D.R. Cressey, 'Changing Criminals, The Application Of The Theory Of Differential Association, Dlm. American Journal Of Sociology, 1955 dan 1961, m/s 116-120.

⁸

A Future For Correctional Rehabilitation, -Final Report Federal Offenders Rehabilitation Program, November, 1969.

-9-

tercatit dalam Encylopedia Britanica,⁹ sistem penologi ditakrifkan sebagai;

" That part of division of criminology which concerns itself with the philosophy and practice of society in its efforts to repress criminal activities...penology ...still stand for the policy of inflicting punishment of the offender as a consequence of his wrong doing but, it may reasonable be extended to cover policies not punitive character such as probation, medical treatment and education, aimed at the cure of rehabilitation of the offenders.

Dipinisi yang terkandung dalam National Advisory Commission on Criminal Justice Standards and Goals,¹⁰ menyebutkan pemulihan sebagai usaha untuk mengembalikan pesalah-pesalah dari sikap dan perlakuan anti-sosial mereka kepada sikap dan perlakuan yang dikendalikan dan dipersetujui oleh nilai-nilai dan peraturan masyarakatnya. Usaha-usaha ini perlu dalam mengembalikan dan seterusnya mengintegrasikan semula pesalah-pesalah kedalam masyarakatnya.

Sementara itu, takrif pemulihan seperti yang terkandung dalam The Crime Commission's Task Force Report¹¹ berbunyi seperti berikut;

⁹ The Encyclopaedia Britanica, Vol. 17, n/o 485.

¹⁰ National Advisory Commission On Criminal Justice Standard and Goals, 'Correction', Washington D.C. U.S. Government Printing Office.

¹¹ President's commission of Law Enforcement and Administration Of Justice, Task Force Report; Correction, Washington D.C.; U.S. Government Printing Office, 1967.

"The task of correction, therefore, includes building or re-building solid ties between offender and community life - restoring family ties, obtaining employment and education securing in the large sense a place for the offender in the functioning of society. This requires not only effort directed toward changing criminal, which has been almost exclusive focus of rehabilitation, but also mobilization and change of the community and its institution. And these effort must be undertaken without giving up the important controls and deterrent role of correction, particularly as applied to dangerous offenders."

Difinisi ini merupakan satu yang significant dan terberu dalam menerangkan tentang keadaan pemuliharaan hari ini. Pendekatan ini telah mengubah fokus pada seseorang pesalah yang dilihat dari segi 'Clinical Attention' kepada hubungan antara pesalah dengan dunia sosialnya.

Dalam kajian ini, pengkaji akan memakai definisi yang dibuat oleh Cooper dan juga yang dikeluarkan oleh National Advisory Commission On Criminal Justice Standard and Goals. Oleh itu tumpuan pengkaji ialah kepada usaha-usaha untuk memulih dan menyalur semula pesalah-pesalah kepada nilai-nilai dan peraturan masyarakatnya, dan seterusnya kepada usaha-usaha untuk mengintegrasikan semula bekas-bekas pesalah kedalam masyarakatnya.

Tujuan dan bidang kajian.

Dalam kajian ini, tumpuan pengkaji ialah untuk melihat dan menilai apakah dasar dan bentuk-bentuk pemulihan yang terdapat di institusi penjara di negara kita, khususnya di Penjara Taiping. Selain dari itu pengkaji juga akan meninjau masalah yang dihadapi dalam tugas pemulihan dan sejauh mana kesan dan kejayaan setiap rancangan pemulihan yang dijalankan.

Bidang atau liputan kajian pengkaji merangkumi penganalisaan polisi, saluran dan rancangan-rancangan pemulihan yang dijalankan di sini. Rancangan ini termasuklah latihan-latihan yang diberi, seperti latihan perusahaan, pelajaran, kerohanian dan rancangan masa lapang. Di samping itu, kajian ini juga turut mencakup bentuk-bentuk layanan yang diberikan terhadap banduan, peraturan yang dikenakan, kemudahan-kemudahan yang disediakan dan beberapa aspek yang berhubung dengan cara hidup banduan di dalam penjara. Tinjauan ringkas juga dibuat keatas struktur dan pentadbiran penjara, guna bagi melihat dengan lebih jelas lagi bagaimana rancangan-rancangan pemulihan dirangka dan dilaksanakan. Tinjauan ini meliputi struktur organisasi penjara, fungsi tiap-tiap susunan pentadbiran serta perhubungan dan kepentingannya terhadap rancangan pemulihan penjara. Untuk menghasilkan kajian yang benar-benar lengkap, pengkaji juga akan menganalisa kesan dan sambutan tiap-tiap rancangan pemulihan di kalangan banduan.

Metodologi kajian.

Pengkaji membuat kaedah dalam menjalankan kajian ini. Kaedah-kaedah tersebut ialah :

- 1) Survey dengan menggunakan questionnaire.
- 2) Pengkaji dan menganalisa rakod serta fail-fail penjara.
- 3) Penglibatan diri secara tidak langsung.

Metode survey digunakan bagi mendapatkan butir-butir yang menyeluruh mengenai aspek yang hendak dikejali, di samping tujuan untuk mengelakkan kos pengkajian seperti mese dan perbelanjaan ketika menjalankan kajian. Oleh kerana sekatan-sekatan larangan, pengkaji tidak dibenarkan untuk memindahkan banduan. Oleh itu, dalam kaedah ini pengkaji hanya mengemukakan soalan kepada pegawai-pegawai penjara, iaitu penguasa Penjara Taiping, pegawai perancang dan penyelidik di Jabatan Penjara Malaysia, beberapa orang warden yang terlibat secara langsung dalam aktiviti pemulihian dan juga beberapa orang warden biasa di penjara tersebut.

Sambutan dan tindakbalas yang diberikan ketika kajian dijalankan adalah sungguh menggalakkan. Pengkaji berpuas hati diatas kejayaan pengkaji mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan hasil dari kaedah ini.

Melalui kaedah kedua, pengkaji mengkaji dan menganalisa rakod-rakod dan fail-fail banduan untuk mendapatkan butir-

butir lanjut mengenai letar belakang banduan di penjara tersebut. Penggunaan kaedah ini perlu dalam menghasilkan maklumat yang lebih detail mengenai banduan seperti klasifikasinya, jenis-jenis kesalahan yang dilakukan, tempoh hukuman yang dikenakan serta bentuk-bentuk pemulihhan yang dikenakan keatasnya. Melalui kajian dan penganalisaan rekod-rekod serta fail-fail penjara, pengkaji juga dapat mengetahui dengan lebih jelas mengenai perancangan-perancangan baru dalam rancangan pemulihran penjara, serta pencapaian rancangan-rancangan pemulihran sejak itu.

Dalam menjalankan kaedah ini pengkaji tidak menghadapi masalah. Bantuan dari warden, khususnya yang terlibat secara langsung dengan rancangan pemulihran, seperti menerangkan maklumat-maklumat penting dan memberikan fail-fail yang diperlukan, adalah sungguh manukses.

Melalui kaedah ketiga, pengkaji diberi kesempatan untuk melihat sendiri segala aktiviti dan kemudahan-kemudahan yang disediakan dalam rancangan pemulihran penjara. Pengkaji diberi peluang untuk malauet dan melihat aktiviti banduan dibangkel mening-masing. Metode ini perlu dalam menambahkan lagi maklumat-maklumat yang mungkin tidak terjawab dalam questionnaire, di samping dapat melahirkan penilaian yang tersendiri bagi pengkaji.

Maninjau bacaan yang berkaitan. Bahan yang berasal dari

Correctional Treatment Of the Offender : Ed. Albert A. Roberts.
U.S.A. Charles C. Thomas, 1974.

Buku ini mengandungi laporan-laporan mengenai simposium tentang perkembangan idea di bidang rawatan, baik di dalam atau di luar penjara. Laporan-laporan ini dianggap sebagai rujukan penting dalam perancangan baru rancangan-rancangan pemulihan penjara. Penekanan idea tersebut ialah keatas - aspek persekitaran dan perletakan geografi institusi penjara, seni binanya, skim pelajaran dan latihan pekerjaan penjara. Penekanan juga ditumpukan pada penglibatan masyarakat kedalam rancangan pemulihan penjara.

Kaedah 'group counseling' juga disentuh dengan agak panjang lebar. Perbincangan ini bertujuan untuk memperbaiki sistem dan rancangan pemulihan penjara, bagi memastikan setiap rancangan yang dijalankan benar-benar berjaya dan menepati matlamat pemulihan penjara.

Perbincangan keatas rancangan probation juga diketengahkan dalam usaha untuk memperbaiki dan menjayakan rancangan pemulihan pesalah. Adalah didapati bahawa rancangan ini lebih mendatangkan kejayaan dan kesan yang baik dalam mengurangkan perlakuan recidivism berbanding dengan penjara.

Kesimpulan ini dibuat memandangkan laporan-laporan projek

yang mendapati dari 95 % pesalah leleki yang berumur antara 15 hingga 30 tahun, cuma 15 hingga 30 % sahaja yang terdiri dari pesalah-pesalah serius. Oleh itu mereka tidak sesuai dimasukkan kepenjara, sebaliknya lebih sesuai diletakkan dibawah rancangan probation.

Dr. Robert menyokong bahawa perkhidmatan penjara lebih banyak membawa akibat yang tidak baik kepada pesalah-pesalah dan dari sini beliau merumuskan bahawa penjara bukanlah dibentuk untuk pembetulan atau pemulihan, tetapi hanyalah untuk menakutkan bakal-bakal pesalah dan memelihara keselamatan masyarakat.

Pesalah perlukan rawatan pemulihan sebelum ia menjadi pesalah yang serius atau selesa dibebaskan dari penjara bila-mana ia perlukan bantuan untuk meneruskan kehidupan barunya di sisi masyarakat. Dalam hal ini adalah didapati bahawa institusi penjara telah gagal dalam usaha-usaha pemulihannya.

Walau bagaimanapun, tulisan ini berfaedah bagi pengkaji untuk melihat dan menilai apakah kepentingan rancangan pemulihan penjara dalam mengembalikan pesalah sebagai ahli masyarakat yang berguna dan sempurna. Juga, tulisan ini berguna dalam memandu pengkaji untuk menganalisis kegagalan atau kelemahan penjara dalam menunaikan tugas pemulihannya, masalah dan langkah-langkah yang diambil dalam memperbaiki kecacatan atau kelemahan yang ujud.

Prison life and human worth- Paul W. Kove.

Minnesota University Press, London Oxford University Press, 1974.

Buku ini menceritakan tentang keadaan penjara di Amerika. Kove berpendapat bahawa penjara tidak berupaya 'maksukan suatu yang lebih baik, kecuali kemusnahan'. Kove cuba menarangkan keadaan sebenar kebanyakannya penjara dimasanya. Sebagai seorang yang pernah bekerja begitu lama di penjara, malah dianggap sebagai seorang profesional dengan kerja-kerja di penjara, Kove benar-benar memahami dan cuba mencari penyelesaian bagi setiap kritik yang dimajukan mengenai keadaan penjara di negaranya.

Dalam tulisannya, Kove mengesyorkan supaya beberapa perubahan dilakukan dalam memperbaiki sistem pentadbiran dan rancangan pemulihian penjara. Dalam bab 'The defeat of management', beliau menyarankan supaya latihan-latihan diberi kepada kakitangan penjara bagi melahirkan pentadbir yang cakap dengan pentadbirannya yang berkosen dan komas. Dalam bab 'Toward a more corrective prison', beliau menasukakan beberapa cadangan dan alasan-alasan bagi perubahan yang perlu, merangkumi latihan-latihan yang diberikan kepada banduan seperti pelajaran, latihan pekerjaan, aktiviti-aktiviti yang sesuai dan berfaedah bagi banduan ketika berada di dalam penjara dan ketika bebas dari penjara dan sebagainya.

Walaupun tulisan ini cuma berkisar tentang keadaan penjara

di Amerika, namun ianya dirasakan berfaedah bagi pengkaji untuk memahami keadaan yang agak sama seperti yang berlaku di institusi penjara di negara kita. Di samping itu, pengkaji juga dapat membuat satu perbandingan guna melihat se-takar manakah institusi penjara di negara kita, yang masih muda usianya, setanding dengan institusi penjara di Amerika. di enggan hilang tanpa tidak berak diantara buku Dr Martin Davies yang dikenalpasti dalam makalah *After-care: Prisoners Of Society - Attitudes and After Care*, Martin Davies , Routledge and Kegan Paul (1974).

Apakah matlamat 'after-care' ? Apakah ia merupakan satu persambungan kepada rancangan pemuliharaan yang dimulakan di penjara ? Apakah ia merupakan suatu yang praktikal ? Apakah ia merupakan cara penghukuman yang paling baik ? Apakah pula penilaian masyarakat terhadap 'after-care'.....

Kesemuanya issuu-issuu ini diuraikan dengan panjang lebar oleh Davies dalam bukunya 'Prisoners Of Society'.

Pembobusan dari penjara telah 'menghadapkan' pasalah dengan berbagai-bagai masalah dan krisis. Masalah dan krisis yang timbul bukanlah hanya disebabkan oleh kesan penenjaraan, tetapi juga kerana kebanyakannya bekas-bekas pasalah adalah terdiri dari kumpulan yang rendah dalam menyatakannya.

Untuk itu, Dr Davies membuat kesimpulan bahawa 'after-care' adalah perlu diwujudkan untuk membantu dan membela nasib sebahagian besar bekas-bekas pasalah yang tidak ber-nasib baik.

Tulisannya mendapat sambutan yang hangat dan menjadi panduan bagi pegawai-pegawai probation di Amerika, untuk memperbaiki dan menjayakan rancangan 'after-care'. Bagi pengkaji, tulisan Davies ini merupakan sumbangan dan panduan yang besar dalam memandu pengkaji untuk melihat dan menilai rancangan 'after-care' di negara kita. Walaupun rancangan ini masih agak baru di negara kita, namun tidak dapat dinapikan bahawa ia nyata punyai kepentingan yang tersendiri dalam membantu bekas-bekas pesalah mengharungi kehidupan barunya di sisi masyarakat.

Masalah kajian.

Seberapa masalah telah dihadapi oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Masalah-masalah ini dapat dibahagikan kepada dua peringkat iaitu, peringkat awal sebelum kajian dijalankan dan masalah yang dihadapi semasa kajian dijalankan.

Masalah diperincikat awal kajian.

Masalah pertama yang dihadapi oleh pengkaji dalam peringkat ini ialah untuk mendapatkan kebenaran bagi membolehkan pengkaji melakukan kajian di sini. Pengkaji terpaksa mendapatkan kebenaran tersebut dari dua pihak iaitu pihak Penjara Taiping dan juga Kementerian Hal Ahwal Dalam Negeri. Pengkaji terpaksa menjawab beberapa soalan dari pihak kementerian sebelum dibenarkan melakukan kajian.

Di peringkat awal kajian, pengkaji menghadapi masalah untuk menyuaikan diri dengan keadaan dan peraturan di dalam penjara. Penyesuaian ini perlu dalam meningkatkan lagi kejayaan kajian pengkaji. Melalui penyesuaian ini, pengkaji mendapat maklumat dan pengertahan yang lebih luas mengenai aspek yang hendak dikaji. Proses penyesuaian ini meliputi pemahaman pengkaji keatas peraturan-peraturan penjara, penyesuaian diri dengan alam penjara dan berkanalan dengan pegawai-pegawai penjara yang akan membantu pengkaji sepanjang masa kajian dijalankan.

Masalah semasa kajian dijalankan.

Untuk masuk dan menemui pegawai-pegawai penjara, pengkaji terpaksa menentukan masa-masa yang sesuai. Penentuan ini bukanlah suatu yang tepat, atau dengan lain perkataan, pengkaji terpaksa mengubah jadual masa mengikut keadaan. Kadangkala pengkaji gagal bertemu dengan pegawai-pegawai tertentu kerana pegawai berkenaan sibuk atau ada tugas-tugas lain. Ini menyebabkan pengkaji terpaksa berulanggalik pada masa-masa yang tidak tentu untuk menemui pegawai tersebut.

Di samping itu, pengkaji juga terpaksa menghadapi keadaan atau suasana yang sibuk di dalam penjara. Kasibukan ini boleh menjelas kemampuan pengkaji dan juga pegawai tersebut untuk memupuk perhatian pada buah perbualan. Kadangkala pengkaji terpaksa ditinggalkan kerana pegawai tersebut ada tugas lain yang lebih penting. Ini menyebabkan setengah maklumat menjadi

tidak lengkap, walaupun perbualan disambung kembali. Kesungguhan, minat dan idea pegawai berkenaan mungkin hilang atau terjejas apabila perbualan disambung kembali.

Masalah besar yang dihadapi oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini ialah kegagalan pengkaji untuk menemuduga banduan. Sebelum kebenaran membuat kajian diberi, pengkaji telah diketahui syarat-syarat tertentu yang misti dipatuhi dan antara syarat tersebut ialah pengkaji tidak dibenarkan menemuduga banduan. Dalam hal ini pengkaji menghadapi masalah untuk mendapatkan maklumat yang perlu dari segi sambutan dan penilaian banduan terhadap rancangan-rancangan pemulihian yang dijalankan.

Dalam hubungan ini, pengkaji ingin merayu dan berharap agar dimasa-masa hadapan pihak Kementerian Berkensaan dan Jabatan Penjara Malaysia, dapat membenarkan pengkaji-pengkaji untuk menemuduga banduan di penjara. Temuduga-temuduga ini perlu dan penting dalam memberikan maklumat yang lebih tepat, sempurna dan berguna dalam memahami keadaan hidup banduan dalam dunia penjaranya.

Penjara dan pemulihan - Satu perspektif sejarahan.

Sejak zaman awal tamaddun dunia lagi, masyarakat sudah mula memikirkan berbagai-bagai cara untuk menghukum pesalah, dengan tujuan untuk memberi perlindungan sosial kepada anggota masyarakat yang lain, disamping untuk memberi pembalasan kepada pesalah tersebut. Selain dari itu, hukuman ini juga bertujuan untuk menakutkan orang lain dari melakukan kesalahan yang sama atau yang melanggar undang-undang negara. Undang-undang peradaban awal Babylonia misalnya mengamalkan prinsip 'eye for an eye and tooth for a tooth', iaitu pesalah misti dihukum serupa dengan kesalahan yang dilakukannya keatas mangsanya. Dalam masyarakat awal Carthaga, Rome dan Yunani, pesalah dihukum berkerja di lombong-lombong atau dijadikan hamba abdi di kapal-kapal.

Di England, terutama dizaman anglo-saxon, untuk kesalahan membunuh atau mencuri, pesalah dihukum penjara antara 40 hingga 120 hari sebelum ditebus oleh saudara morenya. Hukuman ini dijalankan dengan meluasnya diabed ketiga belas, dengan tujuan untuk mendapatkan bayaran denda. Rumah pemulihan yang pertama cuma didirikan dalam tahun 1552 di Bridewell, London, atas inisiatif Bishop Ridley. Kejayaan yang dicapai oleh rumah pemulihan ini telah mendorongkan parlimen England meluluskan satu akta dalam tahun 1576, mengarahkan tiap-tiap county di negara itu mendirikan rumah pemulihan seperti itu.

Diperingkat awal, rumah pemulihian ini mengurung pengemis, kutu rayau, anak-anak luar nikah dan budak-budak miskin. Segala kemudahan barkerja seperti bertenun kain, tukang besi dan membuat banang disediakan kepada mereka. Perkembangan selanjutnya telah memunculkan lebih banyak rumah pemulihian di beberapa tempat di Eropah, seperti di Waldheim (1716), dan antaranya yang paling terkenal ialah Rumah Pemulihian Ghant (1775). Dalam tahun 1703, Pope Clement XI menjadikan Hospice of St. Michael di Rome sebagai institut khas untuk kanak-kanak nakal. Kesan awal hukuman baru yang diujiudkan melalui rumah pemulihian ini adalah sungguh menggalakan, ditinjau dari sudut penologi ketika itu.

Pendekatan baru ini ternyata berbeza sekali dengan undang-undang jenayah ketika itu, di mana ianya tidak melibatkan penyingkiran pesalah dari masyarakat baik melalui hukuman mati, penyiksaan atau 'branding'. Sebaliknya pendekatan baru ini adalah bertujuan untuk membawa balik pesalah kepada masyarakat nya, selepas ianya dipulihkan. Pendapat ini telah disuarakan dengan tegasnya oleh Max Grunhut di dalam bukunya 'Penal Reform'.

Namun begitu, sistem penjara diabad-abad yang lepas selepas zaman kemajuannya, telah mengalami kerosotan dan keburukan disebabkan ketiadaan kawalan dari pentadbiran pusat, kurangnya minat orang ramai terhadap institusi ini, penindasan serta pernyalahgunaan kuasa oleh kakitangan penjara. Keadaan ini telah menimbulkan kritikan dan tantangan yang hebat, terutama pada

pertangahan abad keenambelas. Laporan pertama yang ditulis bagi melepaskan keburukan di dalam penjara diterbitkan pada tahun 1618, oleh Geoffrey Mynshall, seorang bekas banduan. Laporan yang berjudul 'Certain characters and essays of prison and prisoners', banyak menghuraikan tentang keburukan penjara ketika itu.

Laporan yang berjudul 'Essays Towards Reformation Of Newgate and Other Prison in and about London', mengesyorkan antaranya supaya penempatan pesalah-pesalah dilakukan secara berasingan, memberikan mereka parkerjaan, menyediakan perkhidmatan ugama, menghapuskan hak-hak yuran, melarang minum minuman keras di dalam penjara, melanjutkan hukuman keatas pesalah yang berkelakuan jahat dan mengiklanan kepada umum pesalah-pesalah yang berkelakuan baik supaya bila dibebaskan kelel, mereka akan dapat mengatasi masalah sosial yang mungkin dihadapi.

Walau bagaimanapun, laporan yang dihasilkan oleh John Howard, dengan judulnya 'keadam penjara di England', 1717, dianggap sebagai laporan yang paling berharga dalam pergerakan pemulihian di England. Selain dari John Howard, Elizabeth Fry juga dikenang diatas inisiatifnya sehingga berjaya menubuhkan persatuan wanita penjara yang menjamin setiap banduan wanita mendapat pelajaran, bimbingan ugama dan pengurusan rumah dan kebersihan seluruh walaupun mereka belum diselamatkan dari klinik.

dan perkerjaaan seperti mana yang didepati oleh banduan Isakki. Tokoh-tokoh lain yang penting dalam sejarah penjara ialah Montesquieu, Voltaire, Paire, Adam Smith, Jeremy, Diderot dan Sir Samuel Romilly. Tulisan-tulisan mereka yang banyak mendedahkan mengenai keburukan di dalam penjara serta sistem pentadbirannya yang lemah, dianggap begitu berkesan dan bernilai dalam usaha untuk menghasilkan proses pemulihan yang benar-benar efektif.

Dalam bidang kelapan belas, konsep pengurungan seorang diri diawalkan secara sukces, sebagai cara untuk menujudkan kesedaran disemping untuk mengelakan pergaulan yang boleh membahayakan. Di England, dua orang tokoh yang mapopulerkan konsep ini ialah William Blackstone dan William Eden. Konsep baru ini mendapat sambutan yang hangat dari kaum Quakers di Amerika, contohnya yang dicontohi oleh William Penn. Dalam waktu yang sama, Walnut Street di Philadelphia telah dijadikan rumah pemulihian yang pertama di Amerika.

Namun begitu, sistem ini telah dikritik dengan hebatnya. Dalam tahun 1794, Gabenor New York, John Jay menganjurkan supaya dibentuk satu jawatan kuasa untuk mengkaji dan memperbaiki undang-undang jenayah dan pentadbiran penjara New York. Hasilnya, dalam tahun 1825, satu sistem pentadbiran baru yang dikenali sebagai 'sistem anburu' atau 'sistem senyap', iaitu senyap diajang hari dan dikuzung seorang diri dimalam hari, telah dikenal dan dimulakan.

Di pulau Norfolk, iaitu sebuah pulau penjara di Australia, satu sistem permarkahan yang dipelopori oleh kapten Alexander Maconochie dijalankan dengan meluasnya. Dalam sistem ini pesalah-pesalah dikehendaki mengumpulkan sebanyak-banyak markah yang boleh melalui kelakuan yang baik, rajin berkerja dan belajar. Markah ini akan dipotong jika pesalah tersebut malas atau berkelakuan buruk. Pesalah-pesalah ini akan dibebaskan apabila markah yang dikumpulnya telah sampai keperingkat yang dikehendaki.

Sistem ini telah diperbaiki oleh pengarah Penjara Ireland Sir Walter Crofton, dimana pesalah-pesalah dinegeri itu dikehendaki menjalani tiga peringkat hukuman. Peringkat pertama ialah pengasingan, diikuti seterusnya dengan berbagai-bagai projek kerja yang membolehkan campur gaul antara bantuan di dalam peringkat kedua dan penempatan di 'rumah pertengahan', di peringkat ketiga. Dalam peringkat ketiga ini mereka diberi kebebasan dan peluang memikul tanggung jawab diri sendiri. Langkah ini dianggap sebagai sangat penting dalam menyediakan mereka untuk hari pembebasan kalak. Sekiranya pesalah-pesalah ini didapati berkelakuan jahat, mereka akan dimasukkan semula ke penjara.

Sistem ini juga diperaktikkan di beberapa buah penjara di Amerika, khaenya bagi pesalah-pesalah muda dan yang pertama kali melakukan kesalahan. Brockway, pemimpin pemulihian ini

telah mengayorkan supaya diujudkan sistem pangkelasan dan pengasingan, sistem layan secara individu dan penekanan pada latihan vokasional dan sistem hadiah untuk mereka yang berkelakuan baik.

Sistem Irish dan sistem penjara Amerika telah memperlihatkan kesan penting keatas perkembangan sistem penjara Eropah. Sistem borstal di England yang diperkenalkan oleh Evelyn — Ruggles Briss, sedikit sebanyak mencontohi sistem ini, cuma yang berbeza, pesalah ini diletakkan di bawah pengawasan seorang guru rumah atau pegawai akhlak. Usaha ini juga bertujuan untuk memastikan setiap pesalah sentiasa berkelakuan baik dalam tempoh penbebasan yang diberikan.

Dari tinjauan persejarahan ini, apa yang dapat kita simpulkan ialah bahawa konsep penjara telah begitu banyak mengalami perubahannya. Dulu, ia merupakan tempat menghukum dan menyiksa pesalah-pesalah, tetapi hari ini ia adalah sebuah institusi pemulihian yang berfungsi khusus untuk memulihkan pesalah dari perlakuan dan sikap anti-sosial mereka.

¹ Lloyd, H.H.A. editor. *Young & traditional doctrine of reprobation*. Vol. 1, 2nd edition. London: Bell & Hyman, 1971, p. 22.

² Lawrence, M.M. *Rehabilitation, Rehabilitation, Correction and the Law*. 1963, n.p. 40.

Dasar pemulihan dan pemulihian di penjara.

nya proses pembelajaran tersebut. Dalam kenyataan hal sistem penitensi
Konsep pemulihan dapat difahamkan sebagai proses penyelarasan dan per-
semula pesalah kepada nilai-nilai dan peraturan masyarakatnya.
Kebanyakan pesalah mempunyai anggapan bahawa setiap yang dilaku-
kannya adalah benar dan yang salah ialah masyarakatnya. Dengan
mengandaikan kebenaran kenyataan ini, setiap institusi pemulihan
haruslah menjadikannya sebagai panduan dalam membentuk polisi dan
analisa mereka bagi menjamin setiap apa yang diperaktikkan, benar-
buluh dan menyaksikan negara berjaya dan aman. Maka ia bukanlah
benar berkesan dan berfeedah!¹ Individu yang menyeleweng ini boleh
suatu yang betul. Dengan kata lain, mereka dapat dikembalikan ke-
benar-benar berdasarkan pengalaman mereka di dalam masyarakat atau
dibentuk melalui tekanan dan paksaan, tetapi cara ini bukanlah
lah bersifat sementara. Mereka dengan mudah kembali menjadi reci-
divist yang lebih merbahnya. Justeru itu, pemulihan sahajalah yang
dianggap perlu dalam memulihkan mereka dari sikap anti-sosial me-
reka, dan seterusnya mengembalikan mereka kepada masyarakat sebagai
ahli masyarakat dan juga warga negara yang sempurna dan berguna.²

Pemulihan bukanlah satu perkara atau pelajaran yang dapat diajar kepada pesalah, sebaliknya ianya adalah berlaku melalui pro-
ses pembelajaran. Oleh itu, penjara sebagai segen pemulihan yang
penting dalam masyarakat haruslah dapat menyediakan kemudahan -

¹ Lihat H.H.A Cooper, *Toward a rational doctrine of rehabilitation*, *U.S. Crime and Delinquency*, Vol. 19, no. 2, April 1973, m/s 228.

² Gerhard D.W. Mueller, *Punishment, Correction and The Law*. 1969,
m/s 69.

kemudahan dan persekitaran yang sesuai bagi memungkinkan tercapainya proses pembelajaran tersebut. Dalam banyak hal sistem penologi hari ini didapati telah gagal dalam usahanya untuk mengurangkan perbuatan-perbuatan jenayah dan anti-sosial dalam masyarakat, malah sebaliknya telah banyak meninggalkan kesan yang tidak baik terhadap pesalah untuk membenci dan menganggu masyarakatnya.

Cooper dalam tulisannya menegaskan bahawa aspirasi sistem penologi hari ini adalah untuk menyediakan rawatan dan seterusnya memulih dan mengembalikan pesalah kepada sikap dan perlakuan yang baik dan sempurna bagi membolehkannya diterima kembali oleh masyarakatnya. Untuk memenuhi aspirasi tersebut, satu proses pemulihan yang benar-benar berkaca pada perlulah diujudkan dan ini hanya boleh dicapai jika proses tersebut dimulakan sejak awal-awal lagi, dari sejak iaanya didapati melanggar peraturan hingga ia dibebaskan dari tekanan dan caci maki masyarakatnya.³

Seperti yang telah ditegaskan, pemulihan berlaku hasil dari proses pembelajaran. Clarence Ray Jeffery⁴ menegaskan bahawa "...jika telah ditekankan bahawa perlakuan menyeleweng adalah ujud melalui proses mempelajari dari orang lain, maka adalah logik dan benar, bahawa pemulihan juga adalah berlaku menerusi proses mempelajari dari orang lain". Berlandaskan kenyataan ini, adalah penting bagi

3 Erving Goffman, Asylums, Garden City, New York, 1961, m/s 61.

4 Lihat Criminal behavior and learning theory, dlm. Journal of Criminal Law, Criminology and Police Science, Sept. 1965, m/s 300.

institusi penjara untuk sentiasa mengubahsuaikan peranannya mengikut cabaran masa, seperti menyediakan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan yang sempurna, memjudikan persefahaman dan keharmonian yang luas serta dorongan dan bimbingan yang bersungguh-sungguh, dalam menjalin tercapainya matalasat pemulihan tersebut. Walaupun bagaimanapun, kesemuanya ini adalah tertakluk kepada dasar yang menjadi prinsip dan amalan tiap-tiap institusi. Setakat mana berjaya atau berkesannya rancangan pemulihan yang dijalankan adalah bergantung pada sejauh mana pulia dasar yang diawalkan benar-benar sesuai dengan keadaan dan keperluan.

Model pemulihan sivilik dalam penjara, pada posisi Polisi pemulihan dan pemulihan di penjara.

Terdapat empat model pemulihan yang menjadi amalan setiap institusi pemulihan hari ini. Model ini terdiri dari model restraint, model reformation, model reintegration dan model rehabilitation. Model ini merupakan perkembangannya yang tidak diwujud dan yang berkaitan dengan pengembangan dan perkembangan masyarakat.

TUMPUAN PADA INDIVIDU	Rehabilitation.	Reintegration.
	Strategi-Identification.	Strategi-Internalization.
tinggi	Restraint.	Reformation.
rendah	Strategi -	Strategi-Compliance.
rendah, tinggi	rendah	tinggi
		TUMPUAN PADA MASYARAKAT.

Model restraint, iaitu dasar yang mempunyai tumpuan yang rendah pada kedua-dua belah pihak, iaitu banduan dan juga masyarakat.

Tidak ada sebarang strategi yang diamalkan. Pesalah dimasukkan ke penjara hanya untuk dikenakan hukuman diatas kesalahannya. Perbezaan dengan banduan yang menyatakan bahawa hubungan antara pesalah dengan kakitangan penjara hanya sekadar untuk menjamin kawalan yang selamat. Model ini mendasarkan kepercayaan bahawa manusia berubah hanya apabila mereka mahu, bukang dengan kawitangan mewujudkan 'penitentiary' bertujuan. Model ini jelas cuba mewujudkan kesenangan bagi kedua-dua belah pihak, pesalah dan juga kakitangan. Hukuman yang dikenakan hanya untuk mententeramkan keadaan, bukannya untuk motif pemulihan.

Model reformation mempunyai tumpuan yang kurang pada pesalah, tetapi lebih pada masyarakat. Strategi yang diamalkan ialah 'compliance', iaitu kebolehan untuk menundukkan pesalah melalui kuasa. Dari sini pesalah disalurkan keperlakuan baru yang dikehendaki oleh masyarakat. Dasar ini bertujuan untuk menyedar dan membencikan pesalah dari mengulangi perbuatan-perbuatan yang tidak disukai dan yang bertentangan dengan undang-undang dan peraturan masyarakat.

Model reintegration, iaitu dasar yang mempunyai tumpuan yang sama pada kedua-dua pihak, pesalah dan masyarakat. Dasar ini mengamalkan strategi internalisasi, iaitu pesalah mengubah sikap dengan sendirinya selaras dengan kehendak dan nilai-nilai masyarakatnya. Perubahan sikap tersebut adalah lahir dari proses interaksi antara pesalah, kakitangan pentadbiran dan juga masyarakat luar. Dalam model ini, kedua-dua usaha bergerak secara serentak, iaitu mengem

balikan pesalah kepada masyarakat dan mengelakkan stigma masyarakat bagi membolehkan mereka diterima kembali oleh masyarakat.

Model rehabilitation memberi penekanan yang lebih pada pesalah berbanding dengan tumpuan pada masyarakat. Melalui kawalan dan hukuman dalam bentuk rawatan, pesalah-pesalah dianggap sebagai pesakit yang perlu dirawat dan dipulihkan. Mereka dipulihkan melalui berbagai-bagai rancangan pemulihan secara 'paksaan'. Ini bertujuan untuk menjamin tercapainya cita-cita pemulihan penjara, untuk merawat dan memulihkan pesalah dari sikap dan perlakuan anti-sosialnya dan seterusnya mengembalikan mereka kepada masyarakat sebagai ahli masyarakat yang sempurna lagi berguna.

Sementara itu beberapa kajian yang terbaru keatas institusi penjara yang berlainan, yang menggunakan metodologi yang berbeda, telah menghasilkan kesimpulan yang sama iaitu perumpuan keatas masyarakat dan pesalah adalah dua angkubah penting dalam pembentukan polisi pemulihan penjara. Seperti yang dikatakan oleh Cressey⁵ bahawa dua fokas utama pentadbiran penjara ialah tumpuan keatas masyarakat dan juga penghuninya. Fokas ini adalah berbeda antara institusi. Berdasarkan pada dua angkubah ini, beliau cuba membuat rumusan-rumusan seperti berikut.

Dasar interaksi yang minima.

Dalam hal ini institusi penjara akan menghadapi kesukaran untuk menyelaraskan setiap perubahan yang berlaku di dalam penjara. Dengan

⁵ Donald Cressey, Achievement of an unstated organizational goal, Garden City, Doubleday, 1969, m/s 65.

lain perkataan, ia tidak dapat mengawal atau mengendalikan berbagai jenis banduan yang diterimanya, manakala di satu segi lain banduan-banduan yang dibebaskan tidak dapat dikembalikan kepada masyarakat seperti mana yang diharap-harapkan oleh masyarakat umum. Pendeknya, mereka masih tetap dengan sikap dan perlakuan yang lama.

Penduaan polisi dengan penekanan pada pesalah.

Dalam hal ini, institusi penjara dapat menumpukan sepenuh perhatian pada penghuninya. Persefahaman, kemudahan dan rancangan-rancangan pemulihian yang luas disediakan kepada mereka dalam usaha untuk mencapai mataslamat pemulihan penjara. Setiap perubahan pada sikap dan perlakuan pesalah adalah berlaku tanpa pengaruh dari luar penjara. Dengan kata lain, penglibatan mereka dalam rancangan pemulihian adalah tertutup sama sekali. Tidak syak lagi institusi penjara yang mengamalkan dasar begini akan menghadapi kesukaran atau kegagalan dalam usaha untuk mengembalikan dan mengintegrasikan semula pesalah kepada masyarakat apabila dibebaskan kelak.

Penduaan polisi dengan penekanan pada masyarakat.

Institusi penjara yang mengamalkan dasar ini akan menghadapi kesukaran untuk mengubah sikap dan perlakuan anti-sosial pesalahnya, di samping sukar mewujudkan motivasi di kalangan pesalahnya untuk kembali kepada masyarakat. Sungguh pun institusi ini dapat memenuhi kehendak masyarakat, yakni kehendak pada perlindungan, tetapi ia sebaliknya gagal dalam tugasnya terhadap pesalah, untuk membentul dan memulihkan mereka bagi membolehkan mereka kembali kepada

masyarakat sebagai ahli masyarakat yang sempurna dan berguna.

Berdasarkan rumusan-rumusan di atas, apa yang dapat kita simpulkan ialah bahawa sebuah institusi pemulihan yang berjaya ialah institusi pemulihan yang mengamalkan dasar penekanan yang sama berat, pada pesalah dan juga masyarakat. Institusi begini bukan sahaja berjaya mengembalikan pesalahnya kepada keadaan yang normal malah ia juga berjaya mengembalikan pesalah-pesalahnya kembali kedalam masyarakat tanpa menghadapi kesukaran dan masalah yang besar.

Erika S. Fairchild dalam tulisannya⁶ pula, menyebutkan bahawa terdapat tiga aliran yang menjadi asas dalam pembentukan polisi pemulihan hari ini. Aliran-aliran tersebut ialah ; pertama, kawalan yang salamat keatas banduan, kecua,penglibatan masyarakat kedalam rancangan pemulihan penjara dan ketiga, penglibatan banduan dalam rancangan pemulihan yang dijalankan.

Dalam aliran pertama, sistem pemulihan adalah merangkumi usaha untuk menuduhkan kawalan yang salamat bagi menjamin setiap rancangan yang dijalankan dapat dilaksanakan sepenuhnya. Dalam aliran kedua, terdapat tiga pihak yang terlibat iaitu banduan, kakitangan dan juga masyarakat. Rancangan ini bertujuan untuk untuk membiasa dan menjalinkan perhubungan antara banduan dengan masyarakat luar, di mana lanya kelak akan kembali setelah dibebaskan. Rancangan-rancangan yang terkandung dalam aliran ini ialah parole, rumah perantaraan , furloughs, pekerjaan dan rancangan-rancangan suka-

⁶ Lihat New Perspectives on Corrections Policy, Dim. Crime and Criminal Justice, Issues in public policy analysis, 1975, n/s 191-4.

rela masyarakat. Banduan-banduan yang mana difikirkan tidak merbahaya, dibolehkan menyertai rancangan-rancangan tersebut.

Falsafah di sebalik rancangan tersebut ditarangkan oleh The National Advisory Commission on Criminal Justice Standard and Goal sebagai '.....perhaps the major contribution of the community based programs is that they keep the offender in the community, where he must ultimately live, rather than in an isolated institution where all decisions are made for him and he becomes less and less able to cope with life on the outside'. Memandangkan rancangan ini banyak melibatkan masyarakat luar, maka ternyata lah kejayaannya amat bergantung kepada penilaian dan juga sumbutan masyarakat. Tanpa kerjasama ini nescaya rancangan-rancangan tersebut tidak akan tercapai matlamatnya. Sebaliknya jika sokongan yang luas diberi oleh masyarakat, maka sistem inilah setakat ini dianggap sebagai sistem pemulihan yang 'up to-date' dan benar-benar berkesan.

Dalam model ketiga, rancangan dan aktiviti pemulihan melibatkan dua pihak secara langsung iaitu pihak kelitangan penjara dan banduan. Setiap perancangan dan perlaksanaan setiap rancangan pemulihan melibatkan penyertaan banduan, khasnya yang bersabit dengan masa depannya. Rancangan ini dianggap sesuai dengan suasana banduan di dalam penjara. Naraka yang terlibat dalam rancangan ini biasanya lebih berainat serta berusaha demi mencapai kejayaan bagi dirinya, selaras dengan kehendak dan nilai-nilai masyarakatnya, dan juga alam penjarnya. Kesempatan yang luas diberikan oleh pihak penjara kepada mereka untuk memperbaiki dan menentukan masa depannya sendiri. Langkah ini

juga dianggap berkesan dalam melenyapkan rasa kecua di kalangan
baruan, bersebab dari perbuatan mereka yang lepas, yang mana
4) Sifat perasaan, di mana ada sebatian yang tidak
mungkin mematikan sangat dan harapan mereka untuk berusaha dan
miskin dalam bentuk atau proses yang berlangsung, yang dari
menjalani hidup yang normal.

5) Sifat pengaruh yang diberikan kepada mereka sehingga ia dibebas

Sementara itu Wright (1959) pula menganggap bahawa adalah perlu
bagi setiap institusi pemulihan merujuk kepada asas-asas tertentu
dalam membentuk dasar pemulihan mereka. Asas atau ciri-ciri ter-
sebut ialah :

1) **Bersifat individu**, dengan arti kata bahawa tiap-tiap individu
adalah suatu yang unik dalam kontek peribadi, masalah dan kehendak-
kehendaknya, yang mana berbeda pula dengan individu yang lain. Jadi
penilaian dan penyalarasan tiap-tiap rancangan pemulihan haruslah
2) **Bersifat keseluruhan**. Dalam hal ini maka jalinan antara rancangan yang
dipersesuaikan dengan kehendak-kehendak yang berbeza ini. Tumpuan
begini dianggap sebagai perlu dalam mempercepatkan berlakunya proses
kesedaran dan seterusnya proses pemulihan pesalah.

3) **Bersifat menyeluruh**. Walaupun penyalarasan setiap rancangan pe-
mulihan harus dirujukkan kepada kehendak-kehendak individu yang ber-
beda, namun adalah menjadi realiti bahawa kebanyakan masalah yang
timbul di kalangan banduan adalah juga mencerminkan masalah kese-
luuhan banduan tersebut. Jadi, berdasarkan kenyataan ini, di sam-
ping tumpuan pada individu, penyalarasan setiap rancangan pemulihan
haruslah bersifat sebagai satu keseluruhan bagi semua banduan.

4) **Ujud perpaduan dan perhubungan yang erat antara pengubal dan
pelaksana dasar dan juga banduan**. Tanpa perpaduan tersebut, setiap

institusi penjara mungkin gagal mencapai matalamat pemulihannya.

4) Bersifat persambungan, di mana setiap perkhidmatan yang diberi mistilah dalam bentuk satu proses yang bersambungan, yakni dari mula seseorang pesalah dimasukkan kepenjara sehingga ia dibebaskan. Adalah didapati sungguh pun matalamat pemulihan untuk menyediakan kehidupan baru yang berperaturan dan teratur bagi pesalah, tetapi ada di antara mereka yang gagal berbuat demikian tanpa pertolongan dari pihak tertentu. Pertolongan ini samalah seperti pesakit yang sentiasa perlukan rawatan perubatan, di mana dalam hal ini pesalah yang diberi bantuan akan dapat mewujudkan 'self-concept' yang baik, sesuai dengan kehendak dan nilai-nilai masyarakatnya.

5) Bersifat demokrasi. Dalam usaha mewujudkan proses pemulihan yang benar-benar efektif dan berjaya, adalah wajar setiap pesalah dilibatkan kedalam setiap proses dan perlaksanaan setiap rancangan pemulihan. Setiap pesalah haruslah berani menerangkan masalah dan kehendaknya dalam menjamin setiap penyelesaian yang dibuat akan mendatangkan faedah yang maksima. Mereka juga harus aktif dalam melibatkan diri dalam setiap rancangan yang dijalankan. Penglibatan ini juga dapat menunjukkan setakat manakah pesalah tersebut telah kembali mematuhi norma dan nilai-nilai masyarakatnya.

6) Bersifat realistik. Setiap bentuk pemulihan yang dijalankan mistilah sesuai dan berfaedah kepada pesalah, sesuai dengan kehidupan sementaranya di penjara dan juga masa depannya di sisi masyarakat.

⁷ Lihat Donald C. Gottschalk, Reinventing Change In Justice: New Applications of social dynamics theory, Eds. Nelson W. G. and Michael A. Lawrence Hazelrigg, Berlin City, Goodfellow, 1991, n/a. 273-286.

⁸ Donald Gottschalk, Reinventing Change, cit. tanda n/a. 273.

Pendeknya segala latihan dan kemahiran yang diperolehi di penjara akan menjadi bekalan bagi mereka dalam menempuh hidup barunya kelak. Setiap ciri yang disebutkan haruslah ada dalam setiap dasar yang dibentuk bagi menjamin setiap rancangan pemuliharaan penjara benar-benar mencapai matlamatnya, untuk memulih dan seterusnya mengembalikan pesalah kepada masyarakatnya sebagai seorang yang normal dan berguna.

Darwin Cartwright pula⁷ telah membuat satu proposisi, iaitu sikap, perlakuan dan kepercayaan seseorang adalah berdasarkan kepada kelompok di mana ia berada. Mereka adalah hak bagi masyarakatnya. Jadi semuanya mereka akan mengubah sikapnya adalah bergantung pada keadaan masyarakatnya. Sekiranya masyarakat itu dinamik, maka seseorang itu juga akan punya sikap dan pemikiran yang dinamik. Untuk menjelaskan kenyataan ini, kita dapat melihat bagaimana seseorang mengubah sikapnya melalui tiga sudut, iaitu pertama, seseorang itu berubah bergantung pada sekongan kumpulannya. Sekiranya sekongan dan tekanan ini membina, maka perubahan sikap yang berlaku adalah juga suatu yang membina. Kedua, kumpulan ini menjadi matlamat kepada perubahan. Untuk mengubah sikap seseorang maka perlulah nilai-nilai yang ujud distandardisekan. Ketiga, perubahan sikap seseorang dibawa oleh masyarakatnya sebagai saran pemuliharaan.

Proposisi ini diparkembangkan lagi oleh Cressey⁸ dengan menyatakan

⁷ Lihat Darwin Cartwright, Achieving change in people; Some application of group dynamic theory, Dlm. Prison Within Society oleh Lawrence Hazel Riggs, Garden City, Doubleday, 1969, m/s. 273-288.

⁸ Donald Cressey, Changing Criminal, dlm. (ibid) m/s 290.

suaikan dengan teori 'differential association', bagi mengemukakan satu proposisi baru yang dapat digunakan sebagai panduan bagi institusi pemulihian dalam membentuk polisi pemulihian mereka. Proposisi tersebut ialah ;

Pertama, jika pesalah hendak diubah, mereka perlulah diassimilasikan kedalam masyarakat yang berperaturan dan dengan ini mereka diasingkan dari kelompok asal mereka yang kriminal.

Kedua, semakin besar kemudahan dan kesungguhan masyarakat dalam menjayakan rancangan pemulihian, maka semakin tinggilah pencapaian yang akan diperolehi.

Ketiga, pesalah haruslah mempunyai perasaan kekitaan yang kuat. Melalui jalan ini, setiap perubahan yang berlaku keatas seseorang pesalah juga akan melibatkan ahli-ahli yang lain dan seterusnya akan menggarakkan keseluruhan masyarakat tersebut untuk berubah.

Keempat, kedua-dua, pesalah dan kakitangan haruslah mencapai status masing-masing dalam suasana yang harmoni, pro-reform dan anti-kriminal.

Kelima, mekanisma penting bagi mencegah dan memulihkan pesalah dari sikap anti-sosialnya adalah datang dari masyarakat itu sendiri, tidak dari luar. Ini kerana, hanya masyarakat itulah saja yang paham, yang mengatahui sebab musabab pesalah jadi seorang yang anti-sosial, dan dari sini mudahlah pesalah itu dirawat dan dipulihkan.

Kesemua, apabila matlamat perubahan adalah untuk satu kumpulan yang besar seperti komuniti penjara, sambutan yang bersungguh-sungguh khasnya dari kalangan pesalah sendiri adalah perlu. Sokongan dan sambutan ini merupakan faktor yang penting dalam menjayakan cita-

cita pemulihan penjara. tipe institusi pemulihan untuk menghindari

pihak masyarakat mengalami kerugian bukannya yang satut dikembangkan ke-

Berdasarkan kajian keatas institusi-institusi pemulihan di Amerika,

David Duffee⁹ telah membuat kesimpulan-kesimpulan seperti berikut;

- 1) Matalamat utama sistem pemulihan hari ini adalah untuk menghalang berlakunya penerusan perlakuan kriminal dan anti-sosial dalam masyarakat.
- 2) Rancangan pra-pembebasan perlu diujudkan di semua institusi pemulihan.
- 3) Penglibatan pesalah dalam setiap rancangan pemulihan secara sukarela adalah baik dan berkesan dalam menjayakan matalamat pemulihan.
- 4) Rancangan parole perlu diujudkan di semua institusi pemulihan dalam menghasilkan kejayaan yang maksima, dan,
- 5) Setiap institusi pemulihan haruslah punya falsafah yang tersendiri.

Dalam pada itu, beberapa penulis lain menyarankan bahawa setiap dasar pemulihan haruslah :

- 1) Mengutamakan status, minat dan kecenderungan pesalah dalam merancang dan melaksanakan rancangan pemulihannya.
- 2) Setiap institusi pemulihan mestilah menyediakan rancangan-rancangan pemulihan yang benar-benar sesuai, bukan saja untuk matalamat pemulihan pesalah, malah juga untuk menyediakan masa depan yang cerah di kalangan bekas-bekas pesalah untuk menempuh hidup baru di sisi masyarakat kelak.

⁹ David Duffee, Measuring correctional policy, Dlm. Correctional Policy and Prison Organization, New York, J. Wiley, 1975, m/s 75.

- 3) Adalah perlu bagi setiap institusi pemulihian untuk menghubungi pihak mahkamah mengenai tempoh hukuman yang patut dikenakan ke atas pesalah. Ini perlu dalam menjamin setiap pesalah mendapat latihan dan pelajaran yang benar-benar lengkap semasa di dalam penjara. Sekiranya tempoh hukuman terlalu singkat sudah tentu latihan dan bimbingan yang diperolehi tidak akan berkesan dan berjaya.
- 4) Setiap pesalah tidak harus dipaksa untuk melibatkan diri di dalam satu-satu rancangan secara sukarela¹, sebaliknya penyertaan mereka adalah perlu didatangkan dari kesedaran, minat dan kesungguhan.

SEMESTER I LATAR BELAKANG DAN DASAR PEMULIHAN

Semua dasar di atas adalah perlu dianalisa dalam menghasilkan rancangan pemulihian yang benar-benar efektif dan berjaya. Walau bagaimana, perlulah diingatken bahawa setiap dasar yang dibincangkan adalah khusus bagi institusi pemulihian yang bersifat terbuka tidak seperti institusi pemulihian di negara kita yang bersifat tertutup.

Struktur pentadbiran.

Jabatan Penjara Malaysia adalah terdiri dari Jabatan Penjara Malaysia (semantanjung), Jabatan Penjara Sabah dan Jabatan Penjara Sarawak. Sistem pentadbirannya dapat dipecahkan kepada empat kategori iaitu, penjara, sekolah budak-budak nakal, pusat pemuliharan akhlak dan tempat tahanan perlindungan. Kategori ini adalah tertakluk di bawah undang-undang yang menjadi asas dalam pentadbiran jabatan penjara, iaitu;

- 1) Undang-undang penjara 1952.
- 2) Peraturan penjara 1953.
- 3) Ordinan Mahkamah Budak-Budak 1960.
- 4) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, dan
- 5) Kaedah-kaedah darurat 1969.

Pada keseluruhannya, pentadbiran jabatan penjara adalah terletak di bawah tanggung jawab ketua pengarah penjara. Beliau sebagai ketua kepada Jabatan Penjara Malaysia, memantabirkan jabatan tersebut berlandaskan arahan-arahan dan dasar Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Di peringkat ibu pejabat, ketua pengarah penjara dibantu oleh dua orang timbalannya sekalu timbalan ketua pengarah penjara, pengarah perusahaan, penguasa kanan tempat tahanan perlindungan, penguasa kanan tempat tahanan perlindungan dan after-care, pegawai pemuliharan orang-orang tahanan, pegawai tadbir, pegawai perancang dan penyelidik dan pengelola pelajaran yang mentadbir bahagian masing-masing.(lihat-jadual 1.1).

Jadual 1.2

PENDARA MALAYSIA.

Tarikh penubuhan dan kakitangan.

<u>Nama Penjara</u>	<u>tahun</u>	<u>bilangan kakitangan.</u> (1979)
Penjara Pulau Pinang.	1849	266
Penjara Taiping.	1879	258
Penjara Johor Bharu.	1883	187
Penjara Alor Star.	1893	199
Penjara Kuala Lumpur.	1895	336
Penjara Seremban.	1902	163
Penjara Kuantan.	1908	60
Penjara Sungai Patani.	1920	44
Penjara Pengkalan Chepa.	1950	167

Sekolah Henry Gurney.

Sekolah Henry Gurney Kedua, Melaka.	1860	46
Sekolah Henry Gurney, Teluk Mas, Melaka.	1950	
Sekolah Henry Gurney Perempuan, Batu Gajah.	1954	
Dusun Datuk Murad, Air Keroh	1963	

Pusat pemuliharan akhlak.

Pusat pemuliharan akhlak, Pulau Jerjak	1969	263
Pusat pemuliharan akhlak, Muar.	1927	105

Jabat. 1.3

<u>Tempat Tahanan Perlindungan.</u>	<u>Tahun</u>	<u>bilangan kakitangan.</u>
Tempat Tahanan Perlindungan Khas, Batu Gajah.	1902	97
Per. 1 Penjara Perselet Kelang.		27 000 000.00
Per. 2 Bangunan-bangunan Penjara. Tempat Tahanan Perlindungan, Taiping.		9 000 000.00
Per. 3 Tempat Tahanan Perlindungan Diktr. Puncak/Selangor Ranau.	1973	269
Per. 4 Maklumat bagi perusuhan Sekolah latihan Pegawai-Pegawai Penjara.	1952	300 000.00
Per. 5 Penjara api.		5 000.00
Janalah.		58 800 000.00

Sumber : Ibu pejabat Jabatan Penjara Malaysia, Sarawak	Taiping.
Per. 6 Penjara Samarahan Sarawak,	
Janalah.	5 711 000.00
Per. 7 Janalah penjara.	3 127 000.00
Per. 8 Penjara Klang Selangor, Penjara Klang, Tempat Tahanan Klang, Rumah dan rumah-rumah 21 buah, Penjara 2 sehingga	
Janalah.	8 982 000.00

Janalah.	
Per. 9 Bangunan-bangunan penjara -Penjara Batu Kawan -Bangunan-bangunan penjara.	1 160 000.00
Per. 10 Rumah-rumah kontemporari Janalah	247 000.00

Jadual 1.3

Paruntukan Rencangan Malaysia Ketiga (1976-80)
Jabatan Penjara Malaysia.

<u>Sasaran Ibu Malaysia.</u>	<u>Paruntukan. (\$)</u>
Per.1 Penjara Pusat Kajang.	21 600 000.00
Per.2 Bangunan-bangunan Penjara.	9 894 000.00
Per.3 Tempat Tahanan Perlindungan Bukit. Panchor/Simpang Renggam.	7 000 000.00
Per.4 Mesin-mesin bagi perusahaan penjara.	121 000.00
Per.5 Kenderaan	300 000.00
Per.6 Senjata api.	85 000.00
Jumlah.	39 000 000.00

1) Mengasingkan sumber-sumber masyarakat yang dilakukan oleh

<u>Sarawak</u>	
Per.15 Penjara dan rumah-rumah baru, Kuching.	5 711 000.00
Per.16 Bangunan penjara.	3 191 000.00
Per.17 Penjara Baru Simanggang. Penjara Miri, Pusat Tahanan Sibu, Rumah dan berak-berak Sibu, Penjara Limbang.	
Jumlah.	8 902 000.00

<u>Sabah.</u>	
Per.21 Bangunan-bangunan penjara; -Penjara Baru Sandakan -Bangunan-bangunan penjara.	1 169 000.00
Per.22 Rumah-rumah kakitangan.	747 000.00
Jumlah	1 916 000.00

JUMLAH SEMUA 349 818 000.00

Dasar pemulihan penjara di Malaysia.

Dengan perubahan dan perkembangan yang dilakukan dan disaksikan di negara kita, sistem penjara adalah bersifat 'tertutup'. Dengan ini setiap perubahan yang berlaku pada sikap dan perlakuan banduan adalah berlaku di dalam penjara tanpa adanya pengaruh dari luar. Dengan kata lain, dasar pemulihan penjara di negara kita tidak melibatkan masyarakat besar, seperti mana yang yang dilakukan dengan meluasnya di negara-negara Barat. Walaupun bagaimanapun, layanan, sistem pentadbiran dan prinsip serta dasar yang terkandung dalam undang-undang penjara Malaysia adalah selaras dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam 'Standard Minimum Rules Bangsa-Bangsa Bersatu'. Dalam amalannya, Jabatan Penjara Malaysia menjalankan dasar seperti berikut :

- 1) Mengasing pesalah dari masyarakat seperti yang disarankan oleh mahkamah undang-undang. Pengasingan ini adalah perlu dalam mengelakkan dua keburukan yang mungkin berlaku, samaada ketas masyarakat atau ketas pesalah, iaitu perbuatan jenayah dan anti-sosial terhadap masyarakat dan pemulauan, stigma atau mungkin juga kecasaran fizikal terhadap pesalah. Mengasingkan pesalah adalah perlu dalam menjamin yang mereka dapat dipulihkan kembali dari sikap dan perlakuan anti-sosial mereka. Ini selaras dengan pendapat Cressey, bahawa sekiranya seseorang pesalah hendak dipulihkan, maka iaanya hendaklah diasingkan dari masyarakat atau kumpulan kriminalnya. Berdasarkan pada model pemulihan, pengasingan pesalah dari masyarakat adalah perlu bagi menjamin tumpuan yang penuh dapat diberi-

kan pada mereka dalam usaha untuk menyerap dan menyematkan mereka dengan peraturan dan nilai-nilai baru yang dikehendaki dan dipersestujui oleh masyarakat. Di penjara, setiap kemudahan dan persekitaran yang sesuai bagi memungkinkan tercapainya cita-cita pemulihan, disediakan dengan lengkap dan seluasnya.

1) Di dalam penjara mereka tidak bebas seperti di dalam masyarakat luar yang 'liar dan agresif'. Di dalam penjara mereka dikenakan kawalan dan disiplin yang ketat, tetapi bukanlah merupakan satu bentuk hukuman atau siksaan. Peraturan dan disiplin yang dikenakan adalah mengikut keperluan, dan tidak keterlaluan, bagi menjamin kawalan yang selamat, di samping tujuan utama untuk membiasa dan memupuk semangat berdikari, bertanggung jawab dan berdisiplin.

Bentuk kawalan ini ialah

2) Mewujudkan kawalan yang selamat keatas penghuni-penghuni.

Tujuan kawalan di dalam penjara adalah untuk mewujudkan satu corak kehidupan banduan yang harmonis, berdisiplin, teratur dan seimbawa. Di samping itu, kawalan juga perlu dalam memastikan setiap rancangan pemulihan yang dijalankan dapat dijayakan sepenuhnya oleh banduan. Kawalan juga perlu dalam mengelakkan sebarang perbuatan yang tidak diingini dari berlaku di dalam penjara.

3) Memulihkan sikap dan akhlak pesalah-pesalah supaya mereka dapat memperbaiki maruah dan identiti mereka dan kelak dapat kembali semula kedalam masyarakat umum sebagai ahli masyarakat yang seapurna dan berguna. Matalammat tersebut dapat dicapai melalui saluran-saluran pemulihan yang disediakan di dalam penjara, iaitu pelajaran,

pekerjaan, kerohanian, kemudahan-kemudahan serta aktiviti masa lapang dan sebagainya, yang disediakan kepada semua banduan secara adil dan tanpa diskriminasi. Mereka diberi peluang dan kesempatan yang luas untuk memperbaiki diri masing-masing dan menentukan corak hidup dimasa depan di sisi masyarakat.

4) Dalam kawalan keatas penghuni dan untuk menjamin tercapainya cita-cita pemulihan, pegawai-pegawai dan kakitangan penjara adalah dikehendaki mempengaruhi penghuni-penghuni mereka melalui tauladan dan kepimpinan mereka. Di setiap masa, layanan terhadap penghuni haruslah bersifat menggalakan mereka untuk menghormati diri sendiri, menyamaikan sikap bertanggung jawab, berdisiplin, berinisiatif dan mempunyai kesedaran untuk sentiasa berperangai baik dan sempurna.

Jenis-jenis institusi pemulihan.

Terdapat 31 buah institusi dibawah pentadbiran Jabatan Penjara Malaysia.

Jadual 1.4

Jenis-jenis institusi dan bilangannya.

Jenis institusi	Semenanjung Malaysia.	Sarawak.	Sabah.	Jumlah.
Penjara	9	4	5	18
Sekolah Budak-Budak Nakal.	4	—	1	5
Pusat Pemulihan Akhlak.	2	—	—	2
Tempat Tahanan Perlindungan.	2	2	1	5
Sek.Latihan Pegawai Penjara.	1	—	—	1
Jumlah.	18	6	7	31.

Jadual 1.5

Tiap-tiap institusi ini mempunyai jenis-jenis penghuni yang berbeza, dan ini ditentukan seperti berikut :

Institusi penjara.

Penjara Terbesar.

Penjara Latihan Nasak.

Penjara Khas.

Sekolah Henry Gurney.

Sekolah Henry Gurney.

Tengat Tahanan Perlindungan.

Pusat Penulihan Akhlak.

Tengat Tahanan Perlindungan.

Penjara.

Sekolah.

Penjara.

Tengat Tahanan Perlindungan.

Pusat Penulihan Akhlak.

Penjara.

Penjara.

Sekolah Henry Gurney.

Tengat-Tahanan Perlindungan.

Nasik amanah.

Sumber : The Federal Penitentiary Penjara Malaysia, Taiping.

Bagi kesalahan -kesalahan awam dan jenayah yang tertakluk pada undang-undang penjara 1952 dan peraturan penjara 1953.

Terdiri dari pesalah-pesalah nude yang berusia antara 14 ke 21 tahun. Mereka dibicarakan di bawah Urdinan Mahkamah Sudak-Sudak 1947.

Menampung penghuni-penghuni yang terdiri dari orang-orang yang ditahan di bawah akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, kerana kegiatan yang dianggap mengancam negara.

Menampung pesalah yang ditahan di bawah Kaedah-Kaedah Darurat, Ketenteraan Awam dan Mencegah Jenayah. Mereka dianggap membahaya dan boleh mengancam ketenteraan masyarakat.

Kesayangan.

Ketua Kenderaan.

37 mln.

Jadual 1.5

Bilangan dan Institusi penjara di Malaysia.

Semenanjung Malaysia	Bilangan	Tempat.
Penjara Pusat Latihan.	1	Taiping.
Penjara Terbuka.	1	Pengkalan Chepa.
Penjara Latihan Daerah.	4	Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Alor Star, Johor Bharu.
Penjara Khas.	1	Seresban.
Penjara Tempatan.	2	Kuantan, Sg. Patani
Sekolah Henry Gurney.	4	Teluk Mas, Air Keroh, S.H.G.Kedua, St.Gajah.
Tempat Tahanan Perlindungan.	2	Taiping, Batu Gajah.
Pusat Pemulihian Akhlak.	2	Pulau Jerjak.
Sekolah Latihan Pegawai Penjara.	1	Taiping.
Sarawak.		
Penjara.	4	Simanggang, Miri, Kuching, Limbang.
Pusat Pemulihian Akhlak.	—	
Pusat Tahanan Perlindungan.	2	Kuching, Sibu.
Sabah.	407	
Penjara.	5	Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan, Keningau, Pen.Pezempuan Kota Kinabalu.
Sekolah Henry Gurney.	1	Kepayan.
Pusat Tahanan Perlindungan.	1	Kota Kinabalu.
Jumlah semua.	31 buah.	

Sumber: Ibu pejabat Jabatan Penjara Malaysia, Taiping.

Bilangan penghuni penjara telah bertambah dengan pesatnya. Kadar pertambahan yang besar dan pesat ini adalah hasil operasi setiap institusi pengadilan Jenayah, khususnya institusi kepolisian dan juga masyarakat, dalam memperhebatkan gerakan membantekan kegiatan jenayah dan anti-sosial dalam masyarakat. Pertambahan yang ter-lalu cepat ini telah menimbulkan keadaan kesesakan di dalam semua institusi penjara di negara kita. (lihat Jadual 1.6)

Antara data yang diperoleh di Penjara Taiping dari Jaga Mewah dan Rumah

Jadual 1.6

Bilangan penghuni penjara dan institusi - institusi pemulihian di bawah Jabatan Penjara Malaysia, 1974 dan 1979

Jenis institusi.	Jumlah penghuni, 1974.	Jumlah penghuni, 1979.
Penjara.	2547	7200
Sekolah Budak-Budak Nakal.	461	907
Pusat Pemulihan Akhlak.	145	922
Tempat Tahanan Perlindungan.	884	+
Jumlah.	4037	9029

Sumber: Ibu pejabat Jabatan Penjara Malaysia, Taiping.

Klasifikasi banduan dalam penjara Taiping.

Banduan-banduan dalam penjara diklasifikasikan untuk memudahkan pihak pentadbir dalam melaksanakan tugas pemulihan keatas banduan-banduan. Klasifikasi ini juga perlu dalam memastikan setiap banduan dapat disalurkan kesaluran-saluran tertentu yang sesuai dengan ke-

salahan dan tempoh hukuman penjara yang dikenakan keatasnya.

Di Penjara Taiping, klasifikasi tersebut adalah seperti berikut ;

Banduan jenis bintang merah.

Terdiri dari banduan-banduan 'convicted' yang baru sekali melakukan kesalahan dan banduan yang tiada mempunyai kecenderungan jahat. Banduan yang masuk berkali-kali tetapi kesalahan yang dilakukannya kecil dan ringan, boleh dimasukkan kedalam klas ini. Banduan jenis ini ditempatkan di Penjara Taiping dan juga di Penjara Pudu.

Banduan jenis biasa (Bintang Hitam).

Terdiri dari banduan-banduan 'convicted' yang telah melakukan kesalahan berkali-kali. Biasanya kesalahan yang dilakukannya adalah berat dan merbahaya. Kebanyakan mereka menjalani hukuman penjara yang panjang.

	1975	1976	1977	1978	1979
Kelulusan	333	351	356	358	359
<u>Banduan jenis 'unconvicted'</u>	1575	1583	1634	1710	

Terdiri dari orang yang berhutang, orang yang ditahan untuk menunggu bicara atau orang-orang bangsat.

Terdiri daripada orang yang tidak dilakukan hukuman oleh aduan akan namanya dan bukannya menghadapi sanksi. Di dalam penjara mereka dilatihkan di bawah pengawangan pemilih yang namanya dijadikan tidak mudah. Walaupun bagi sebagian besar, penilaian pertama mereka di dalam tahanan-cerlangan tersebut adalah berlaku kepada tempoh hukuman yang dikemaskini mengikutnya. Bagi penadah yang menjalani hukuman besar, mereka diberi peluang menyertai program latihan pemulihara yang berorientasi kembalikan, manakala bagi banduan yang menjalani hukuman singkat, mereka menerima pelajaran sebagai

Penjara Taiping - Komuniti dan latar belakang.

Kelogak banduan taipin ini adalah sebagai berikut:

Komuniti banduan.

Setiap tahun bilangan banduan terus bertambah dan pertambahan yang pesat ini boleh menyulitkan lagi tugas pemulihian penjara. Walau bagaimanapun, di Penjara Taiping, keadaan yang disebutkan tidaklah begitu ketara kerana bilangan banduan yang ditempatkan di penjara tersebut telah semakin menurun. (lihat jadual 1.7)

Jadual 1.7

Bilangan kakitangan dan banduan dalam
Penjara Taiping, 1975 - 1979.

Tahun	1975	1976	1977	1978	1979.
Kakitangan.	333	333	361	358	358
Banduan.	970	1595	1363	1434	1216.

Tap-tiap banduan yang telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah akan terus dimasukkan kepenjara melalui pusat penerimaan. Di dalam penjara mereka dilistakkan di bawah rancangan pemulihan yang mana misti dijayakan oleh mereka. Walau bagaimanapun, penentuan penyertaan mereka di dalam rancangan-rancangan tersebut adalah tertekluk kepada tempoh hukuman yang dikenakan keatasnya. Bagi pesalah yang menjalani hukuman lama, mereka diberi peluang menyertai rancangan latihan perusahaan yang memerlukan kemahiran, manakala bagi banduan yang menjalani hukuman singkat, mereka cuma diberi pekerjaan sebagai

tukang masak, dobi atau sapu. Di samping itu terdapat satu lagi kategori banduan iaitu banduan yang belum lagi dijatuhkan hukuman dan mereka ditahan di sini sehingga sampai masa untuk dibicara dan dijatuhkan hukuman. Mereka mendapat layanan yang sama seperti mana yang diberikan kepada banduan - banduan lain.

Nelayan

Tanah

Semb

Pelaut

Kereta

Tanaman

Jadual 1.8

Tampuh hukuman banduan-banduan
dalam Penjara Taiping, Mac. 1979.

Tampuh hukuman.	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	20+
Bilangan banduan.	42.	30	36	20	40	14	10	37	2	4	1	5	2	1	-	2.	12

Jumlah semua banduan yang menjalani hukuman antara 3 hingga 20 tahun ialah seramai 258 orang.

Banduan yang dihukum penjara kurang dari / 3 tahun seramai 576 orang.

Banduan yang belum dijatuhkan hukuman seramai 376 orang.

Banduan sepanjang hayat seramai 6 orang.

Jumlah semua banduan dalam penjara Taiping = 1216 orang.

Sumber: Ibu pejabat Jabatan Penjara Malaysia, Taiping.

1.5 Tahanan kerana kesalahan.

1.6 Kawan-kawan ahli politik. (Keungkuar untuk tujuan).

1.7 Kawan-kawan lepas. (Lebih dari 10 tahun sebelum ke masing-masing bertemu bersama dan sejak ketika dilantik sebagai tahanan).

2.12 Tahanan menjalani latihan dan jasa nelayan, Taiping.

Jadual 1.9

Pecahan bangsa dan jenis banduan dalam Penjara Taiping.

Setiap banduan dikenakan peraturan dan disciplin yang ketat bagi

Bangsa	TMT	TMR	BN	TH	BT	PJKA	BA.BDTLS	HS	HL	Jumlah.		
China	19	142	-	-	1	6	8	1	2	41	390	610
Malayu	8	74	-	-	-	-	5	-	1	26	197	311
Tamil	21	91	-	-	-	-	-	1	-	11	125	249
Sikh	2	6	-	-	-	-	-	-	2	7	17	
Pathan	-	3	-	-	-	-	-	-	-	1	-	4
Nasrani	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	1	
Indonesia	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2	2	
Siam	2	-	-	-	-	-	7	-	-	3	12	
Jumlah besar.	52	316	-	-	1	6	20	2	3	81	735	1216

bungan-singkat, menyimpan barang-barang yang dilarang seperti senjata

Penunjuk. menyimpan berkas-berkas yang dilarang seperti buku dan alat tulis.

TMT Tahanan Mahkamah Tinggi.

TMR Tahanan Mahkamah Rendah.

BN Buang Negeri.

BD Buang Daerah.

TH Tahanan Hutang.

BT Buang Tempatan.

PJKA Popor-Kaedah ketenteraman awam dan mencegah jenayah.

BA Banduan asing.

TLS Tahanan Limbah Sultan.

HS Hukuman singkat. (Kurang dari satu tahun).

HL Hukuman lama. (Lebih dari setahun membawa ke sepanjang hayat).

Subar; Ibu pejabat Jabatan Penjara Malaysia, Taiping.

tidaklah ada seorang pun yang dilantik sebagai wakil kerajaan bagi menjalankan pengurusan yang

Peraturan dan disiplin.

Setiap banduan dikenakan peraturan dan disiplin yang ketat bagi menjamin pengurungan yang selamat. Sesungguhnya peraturan dan disiplin yang dikenakan adalah bertujuan bukan saja untuk memudah atau melicinkan pentadbiran penjara, malah lebih penting adalah untuk menyemai dan memupuk semangat berusaha, berdikari dan bertanggung-jawab di kalangan banduan. Dalam penjara mereka dikenakan peraturan sama seperti yang terdapat di dalam masyarakat luar. Mereka dikehendaki patuh pada peraturan dan disiplin yang dikenakan di dalam penjara, menghormati pegawai dan kakitangan penjara, tidak melakukan sebarang perbuatan yang bertentangan dengan peraturan penjara seperti bising, mencuri, bergaduh, mengancam banduan lain, mengadakan hubungan sexual, menyimpan barang-barang yang dilarang seperti senjata serta menggunakan barang-barang yang ditegah seperti dadah dan sebagainya. Mereka juga sentiasa dikehendaki berkelakuan baik dan menunjukkan inisiatif yang positif.

Pendek kata, corak hidup mereka di dalam penjara adalah berbeda sama sekali dengan corak kehidupan mereka di luar penjara dulunya, yang bebas dan tidak berperaturan. Di dalam penjara kawalan dan disiplin yang dikenakan tidak berlebihan, dengan matalamat setiap peraturan dan disiplin yang dikenakan akan dapat memandu kembali banduan kejalan yang benar. Kawalan dan disiplin yang dikenakan adalah sama adil tanpa perbezaan atau diskriminasi. Sekatan-sekatan yang dikenakan tidaklah pula melebihi keperluan, bagi menjamin pengurungan yang

selamat di samping untuk menjamin terbentuknya satu corak kehidupan komuniti banduan yang teratur. Peraturan dan disiplin yang dikenakan keatas banduan merupakan faktor penting dalam melatih, membiasa dan mengembalikan mereka mengamalkan perbuatan yang baik, selaras dengan kehendak dan nilai-nilai masyarakatnya. Ini perlu dalam menyediakan mereka untuk hari pembebasan kelak, kerana hanya dengan disiplin yang baik sahajalah mereka dapat kembali kepada masyarakat sebagai ahli masyarakat yang berguna.

Kemudahan-kemudahan dan hak-hak banduan di dalam penjara.

Amat ketara bahawa rancangan layanan dan pemulihan disusun rapi bagi menyediakan mereka dengan masa depan yang cerah di sisi masyarakat umum apabila dibebaskan kelak. Matalamat ini dicapai melalui berbagai-bagai kemudahan dan kegiatan yang disediakan kepada mereka. Mereka diberi hak dan peluang yang sama untuk memperbaiki diri sendiri dan menikmati sepenuhnya kemudahan yang terdapat di dalam penjara. Kemudahan ini dapat dilihat dari dua segi, iaitu dari pandangan yang sempit dan pandangan yang luas. Dari sudut pandangan yang sempit, kemudahan ini terdiri dari kemudahan-kemudahan asas yang disediakan seperti tempat tinggal, mereka disediakan dengan bilik penginapan yang khas, bilik makan, hospital yang lengkap dengan perkhidmatan doktor khas dan pembantunya, kemudahan-kemudahan rekreasi seperti peti television, panggung wayang gambar, alat-alat musik seperti radio, cassette dan gitar, gelanggang-felanggang permainan seperti gelanggang sepak takraw, badminton dan bola keranjang. Mereka bukan sahaja ahli kumpulan pelajaran tertentu tetapi mereka juga ahli kumpulan sosial-sosial pertama yang penting dalam penjara.

Juga diberi hak untuk menulis dan menerima surat dari luar dengan syarat mendapat kebenaran dari pihak pentadbir penjara terlebih dahulu. Mereka juga dibenarkan meminjam buku dari kutub khanah, mengambil periksaan, mendapat rawatan perubatan percuma, membeli dan menyimpan barang-barang yang tidak dilarang seperti pakai-an, buku, alat musik dan sebagainya.

Kesilahan dalam kerjaan

Dilihat dari sudut pandangan yang luas pula, kemudahan-kemudahan ini terdiri dari berbagai-bagi rancangan pemulihan yang dijalankan untuk kepentingan banduan. Rancangan-rancangan tersebut ialah ;
Latihan perusahaan.

Sebilangan besar dari pesalah yang dimasukkan kepenjara tidak mempunyai sebarang kemahiran vokasional. Jadi adalah menjadi satu tanggungjawab penjara untuk membekalkan mereka dengan pengertianan vokasional yang asas dan pihaman daya penggerak (motivation) supaya mereka senang mendapatkan pekerjaan di dalam masyarakat kslak. Ini adalah penting kerana tanpa mempunyai sebarang pekerjaan yang boleh menyara kehidupan, besar kemungkinan mereka akan terjerumus kembali kelembah janayah. Penghuni-penghuni di sini biasanya disalurkan ke rancangan pemulihan yang diminatinya. Latihan dan pekerjaan yang disediakan ialah pertukangan legam, pertukangan kayu, kasut, rotan, dobi, membuat sarung kaki, percetakan, menjilid buku dan fotografi.

Pelajaran.

Pesalah-pesalah yang dimasukkan kepenjara kebanyakannya adalah buta huruf, atau hanya menerima pelajaran setakat sekolah rendah sahaja. Pelajaran adalah merupakan saluran pemulihan yang penting dalam penjara.

Klas-klas dalam bahasa Malaysia dan Inggeris dijalankan oleh guru-guru yang berdidikasi dan terlatih. Penghuni-penghuni adalah di galakkan mengambil paperiksaan yang terdapat di dalam masyarakat besar, seperti paperiksaan LCE/SRP, MCE/SPM dan HSC/STP. Dorongan dan galakan sentiasa diberi dalam menjayakan diri dan masa depan yang dilaksanakan bersama-sama dengan banduan.

Kegiatan kebaikan kerohanian.

Ugama dapat memainkan peranan penting bagi mengubah sikap dan perlakuan banduan yang dipenjara. Untuk itu, seorang guru ugama dikhaskan untuk mengajar dan memberi bimbingan ugama pada banduan. Perkhidmatan ini disediakan secara sama adil dengan erti kata, tiau-tiap ugama disediakan seorang guru ugama masing-masing dan diperuntukkan masa yang sama untuk mengikuti klas-klas ugama tersebut.

Kegiatan masa lapang.

Adalah disedari bahawa kegiatan-kegiatan masa lapang bukan sahaja boleh mendorong kebaikan jasmani dan rohani, tetapi juga boleh membantu mengurangkan ketegangan dan kebosanan hidup di penjara. Menyadari hakikat inilah kemudahan-kemudahan yang luas disediakan untuk kegiatan masa lapang, khususnya di waktu petang. Kemudahan ini terdiri dari galanggang permainan dan juga jurulatih.

Di samping kemudahan permainan, pertunjukan wayang gambar dan juga televisyen disediakan. Di waktu-waktu perayaan, beberapa pertunjukan concert diadakan di dalam penjara untuk meraikan kumpul-puncak perayaan bersama-sama dengan penghuni-penghuni banduan.

Faedah taat setia.

Tertakluk kepada peraturan penjara, banduan-banduan yang didapati berkelakuan baik, taat setia dan boleh dipercayai, berhak mendapat 'potong ampun' satu pertiga dari tempoh hukuman penjara yang dikenakan keatasnya. Sebagai contoh, jika banduan dikenakan hukuman selama tiga tahun, ia mistalah duduk di dalam penjara selama dua tahun dan mendapat kebebasan setahun. Sebaliknya bagi banduan yang didapati tidak taat atau melanggar peraturan dan disiplin yang dikenakan, ia boleh dikenakan 'dera', yakni hukuman tambahan, mengikut bentuk perlanggarannya. Dera ini biasanya berbentuk pengantungan makanan, di mana untuk beberapa hari ia tidak diberi makanan seperti yang dimakannya dahulu.

Tindakan begini bertujuan untuk menyadarkan serta membiasakan banduan dengan perbuatan yang baik serta berdisiplin. Tindakan ini juga dibentuk atas sikap berperikemanusiaan, demi menjayakan cita-cita pemulihan, bukannya untuk menghukum banduan.

Hubungan dengan pihak luar.

Hubungan dengan pihak luar adalah terlalu terhad dan tertutup. Walau bagaimanapun, banduan boleh menghubungi pihak luar melalui surat dengan syarat dipereksa dan diluluskan oleh pihak pentadbir penjara. Banduan juga dibenarkan untuk dilawati oleh orang luar pada tempoh dan masa-masa tertentu. Pihak banduan dikenakan kawalan yang agak ketat dan dikurung di bilik kurungan khas ketika dikunjungi oleh pelawatnya. Kadangkala banduan dapat bertemu dengan pihak luar melalui pertandingan-pertandingan sukan dan ketika hari-

hari perayaan. Semua perjasaan ini cuma berlaku di dalam pen-jara.

Berlangsungnya pertemuan antara pelaku dan korban di penjara tidak menciptakan kesempatan bagi pelaku untuk berbuat hal-hal yang tidak diinginkan. Pembelaan-Pembelaan.

Untuk membuktikan bahwa dituduhnya pelaku merupakan korban, bagi pengacara harus menunjukkan bahwa pelaku bukanlah orang yang berbuat kejahatan. Mengikut peraturan penjara, banduan boleh naik peringkat khas selepas iaanya telah duduk di dalam penjara selama tiga tahun. Maka iaanya, di maklumat dan dilakukannya pengacaraan, banduan ini mistalah boleh dipercayai dan berkelakuan cukup baik. Banduan ini boleh di beri ampuan tujuh hari sebelum E.P.D nya. Banduan ini mistalah duduk dalam peringkat khas selama dua tahun. Begitulah bagi banduan-banduan lain, jika mereka menunjukkan kelakuan yang baik, serta boleh dipercayai, mereka boleh diberi keampunan satu pertiga dari tempoh hukuman yang dijalaniinya. Banduan-banduan biasa yang dibebaskan tidak dikenakan apa-apa syarat atau jamin.

a) Pengacaraan oleh pengacara dan bantuan.

Kesimpulan Jelih

Terdapat beberapa pendekat yang boleh diterapkan dalam mengambil satah pertemuan dengan pelaku. Kebangkitan orang-orang yang berada di bawah amnesti yang menyatakan bahwa mereka bukanlah orang-orang yang bersalah. Dengan cara memberikan amnesti kepada mereka, mereka akan merasakan rasa aman dan nyaman, sebaliknya dapat dilakukan pertemuan yang efektif dan dapat menghasilkan hasil maksimum pertemuan tersebutnya. Pendekat kedua-kedua menganggap bahawa jika tidak ada seorang

10. Lihat Ghoz R. Johnson, *Police-Prisoner, An International Institutionalization*, Carter, Glencoe and Chicago, Illinois, 1972, p/ 232-331.

Rancangan pemulihan di Penjara Taiping.

Berbagai-bagai rancangan pemulihan telah dijalankan di penjara utntuk mencapai matlamat dan cita-cita pemulihan. Rancangan-rancangan tersebut khusus diadakan untuk kepentingan banduan, bagi membolehkan mereka mempelajari semula nilai-nilai dan peraturan masyarakatnya, di sahing dapat melengkapkan diri mereka dengan kemahiran dan latihan pekerjaan, kerohanian dan sebagainya. Segala bimbingan yang diberikan amat berguna sebagai bekalan bagi mereka dalam menempuh hidup baru di sisi masyarakat kalek. Di Penjara Taiping, seluruh pemulihan tersebut dapat dibahagikan seperti berikut :

- 1) Rancangan latihan perusahaan.
- 2) Rancangan pelajaran akademik.
- 3) Rancangan kebajikan kerohanian.
- 4) Rancangan dan aktiviti masa lapang.

Rancangan latihan perusahaan.

Terdapat beberapa pendapat yang telah diketengahkan dalam memperkatakan peranan perusahaan penjara dalam hubungannya dengan banduan.¹⁰ Ada pendapat yang menganggap bahawa banduan harus bekerja untuk membayar kembali bayaran dan perkhidmatan menjaganya seperti tempat penginapan, makanan, perubatan dan sebagainya, yang dengan ini dapat mengurangkan kos pembiasaan penjara terhadapnya. Pendapat kedua pula menganggap kerja-kerja berat adalah perlu sebagai

¹⁰ Lihat Elmer H. Johnson, Prison industry, dlm. Correctional Institution, Carter, Glaser dan Wilkins, Lippincott, 1972, s/s 333-341.

hukuman bagi banduan. Sementara pendapat ketiga menganggap pekerjaan di penjara adalah perlu dalam melahirkan tenaga buruh penjara yang berjiwa perusahaan, manakala pendapat keempat menganggap latihan dan kemahiran perusahaan yang diperolehi di penjara adalah perlu dalam proses pengintegrasian kembali bekas-bekas banduan kedalam masyarakatnya.

Empat kontradiksi di atas merupakan satu masalah dalam menjadikan latihan perindustrian khusus untuk tujuan pemulihian banduan.

(perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di bawah bab masalah pemulihian). Prinsip dan dasar rancangan perusahaan penjara di negara kita ialah untuk memberi latihan dan kemahiran vokasional pada penghuni-penghuninya.⁴ Adalah disedari bahawa penghuni penjara juga tidak terkecuali dalam mengejar kemajuan dan perkembangan ekonomi yang bergerak pesat hari ini. Di dalam penjara mereka disediakan dengan latihan dan kemahiran bekerja, bagi menyediakan mereka dengan masa depan yang cerah di sisi masyarakat kelak.

Mereka disediakan dengan kemudahan bekerja seperti bangkel, guru yang cekap dan profesional serta peralatan yang cukup dan moden. Galakan dan dorongan sentiasa diberi dari pihak penjara, dalam usaha untuk mewujudkan motivasi dan inisiatif di kalangan banduan. Kesempatan yang luas seperti bekerja di atas kecenderungan, menunjukkan bakat dan kebolehan sendiri dan sebagainya sentiasa diberikan kepada mereka.

Dalam rancangan latihan perusahaan di Penjara Taiping, penghuni-penghuni penjara diberikan salah satu dari latihan-latihan berikut;

Pertukangan logam, pertukangan kayu, membuat sarung kaki, jahitan, kasut, rotan, menjilid dan mencetak, dobi dan gambar. Rancangan ini dibuka dengan luas kepada semua banduan secara adil dan mengikut kecenderungan mereka masing-masing. Rancangan ini disediakan di dalam bangkel-bengkel yang berasingan, mengikut jenis pekerjaan.

Sumber-sumber dalam jadual Jadual 2.0

Persempaduan Pembahagian banduan di pusat perusahaan

Penjara Taiping, 1979.

Jenis perusahaan.	Bilangan banduan.
pertukangan logam.	83 orang.
Pertukangan kayu.	65 "
Percetakan.	49 "
Rotan.	55 "
Tukang jahit.	80 "
Sarung kaki.	92 "
Dobi.	61 "
Dapur.	82 "
Kebersihan, (hospital)	18 "
Sapu (kebersihan penjara)	56 "

Jumlah. 641 orang.

Sumber; Ibu pejabat, Jabatan Penjara Malaysia, Taiping.
Penjara Taiping.

Syarat-syarat bagi kemaukan kelatihan perusahaan.

Tertakluk kepada peraturan penjara, setiap banduan yang boleh diterima memasuki latihan perusahaan adalah banduan-banduan yang men-

Jalani hukuman lama. Mereka dianggap dapat mempelajari dan melengkapi diri dengan latihan-latihan yang diberikan khasnya latihan perusahaan berat seperti logam dan kayu. Bagi banduan yang non-jalani hukuman singkat, mereka cuma diberi pekerjaan seperti dobi, sapu, dan masak. Setiap banduan tidak dikenakan apa-apa syarat kelulusan untuk menasuki sebarang latihan yang diminatinya, dengan syarat ia benar-benar menunjukkan kecenderungan di dalam bidang yang dipilihnya. Langkah ini perlu dalam menupuk semangat inisiatif dan ingin memajukan diri sendiri, meningkatkan produktiviti dan mengasah bakat serta mengelakkan kebosanan bekerja. Bagi banduan yang telah lanjut usianya, mereka cuma diberikan kerja-kerja ringan seperti menjaga kebersihan dan keindahan dalam penjara.

Peraturan kerja.

Setiap banduan diwajibkan berkerja di bengkel masing-masing di sebelah pagi dan petang. Di sebelah pagi, mereka dikehendaki berkerja dari pukul lapan hingga sepuluh dua belas tengah hari. Di sebelah petang pula, mereka barkerja dari pukul dua hingga pukul lima. Di tiap-tiap bengkel dikhaskan beberapa orang tenaga pengajar yang bertugas untuk memberi latihan, di samping beberapa orang warden yang bertugas menjaga dan mengawal banduan ketika berkerja.

Bantuk pasaran hasil perusahaan.

Setiap pengeluaran adalah melalui tempahan dari orang perseorangan atau badan-badan tertentu atau kerajaan. Sebahagian besar tempahan adalah dari kerajaan, terutama diseksi percitakan, jahit dobi, kasut dan stoking. Tempahan di sini adalah lebih murah berbanding dengan tempahan yang dibuat diluar.

Pembangunan perusahaan penjara.

Setiap banduan diberi bayaran RM 200.00 bagi hasil di atas pendapatan. Setiap tahun, perusahaan penjara sentiasa diperkembang dan dipelbagaikan dalam usaha untuk memoden sarta melengkapkan saluran pemulihian tersebut. Dasar ini adalah selaras dengan corak pekerjaan yang terdapat di dalam masyarakat. Jadi sebagai bekalan dalam menempuh hidup baru, adalah perlu setiap banduan diperlengkapkan dengan latihan dan kemahiran perusahaan yang sesuai dan berguna bagi mereka, dalam membantu mereka mendapatkan pekerjaan di dalam masyarakat umum.

Pada umumnya dapatlah dikatakan bahawa perusahaan penjara telah mencapai kedua-dua matlamatnya, iaitu matlamat pemulihian dan juga matlamat ekonominya. Pertambahan dalam pengeluaran menunjukkan adanya kesungguhan dan minat di kalangan banduan dalam menjayakan rencangan tersebut. (Lihat Jadual 2.1)

Jadual 2.1

Pandapatan bulanan bangkel-bangkel

Penjara Taiping, Feb. 1978.

<u>Jenis perusahaan.</u>	<u>Pandapatan bulanan.</u>
Tukang jahit.	\$ 3 030.21
Tukang kasut.	1 448.00
Tukang kayu.	2 174.68
Rotan.	4 390.33
Tilam.	644.53
Dobi.	6 370.81
Tukang besi.	925.69
Sarung kaki.	92 126.65
Gambar.	20.50
Percetakan.	4 889.45

Uraian perkhidmatan.

Setiap banduan diberi bayaran atau sagu hati di atas perkhidmatan mereka, tertakluk pada peringkat atau kedudukannya, sahada ia banduan baru atau lama. Pembayaran tersebut dijadualkan seperti jadual 2.2.

Jadual 2.2

Kadar bayaran bagi banduan dalam
Nelai dan
Penjara Taiping.

Banduan biasa.

Peringkat.	1&2	3	4	Khas.
Gaji.	Sagu hati. 15sen.	20sen.	30sen.	
*Banduan buang negeri.	1	2	3	
Peringkat.	sama spt.*	spt.*	spt.*	
Gaji.	12sen.	15sen.	20sen.	

Feeedah bagi banduan yang mempunyai kemahiran luar biasa.

Setiap banduan yang mempunyai kemahiran tertentu diberi kesempatan untuk bekerja di seksi pertukangan sambilan. Banduan dikenakan syarat tertentu sebelum dibenarkan bekerja di sini, dan syarat tersebut ialah ;

- 1) Banduan mistilah mempunyai kemahiran dalam bidang tertentu.
- 2) Banduan mistilah berperangai baik serta boleh dipercayai, dan
- 3) Banduan mistilah mampu mengikuti peraturan yang dikenakan keatasnya.

Tujuan penubuhan seksyen pertukangan sambilan.

Pertama, adalah disedari bahawa setiap rancangan pemuliharaan harus melipat gandakan usaha dalam memupuk semangat ingin memajukan diri di kalangan banduan, menyamai siap bersikap berdikari serta bertanggung jawab. Setiap banduan harus digalakkan menggunakan sepenuhnya masa lapangnya secara yang paling berfaedah. Di penjara, mereka digalakkan membuat kerja-kerja tambahan seperti kerja sambilan. Melalui seksyen ini mereka dapat memperkembangkan bakat serta kebolehan mereka masing-masing.

Kedua, melalui kerja sambilan, banduan menikmati sumber pendapatan yang lebih dan ini dapat membantu kewangan mereka di dalam penjara. Bayaran yang istimewa diberikan kepada semua banduan yang berkerja di sini.

Ketiga, seksyen pertukangan sambilan ini juga merupakan sumber penting dalam membiayai perbelanjaan bantuan kepada kakitangan penjara. Setiap kakitangan diberi bantuan sebanyak \$30.00 seorang sekiranya bantuan tersebut diperlukan. Ini dapat mengurangkan bebanan perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak penjara.

Keistimewaan bagi banduan yang berkerja di seksyen pertukangan sambilan.

Setiap banduan yang berkerja di sini diberi hak untuk mengumpul wang yang diberikan kepada mereka. Pembayaran upah yang istimewa ini pula bergantung kepada keuntungan yang diperolehi dari jualan. Mengikut peraturan, setiap banduan diberi separuh ($\frac{1}{2}$) dari keuntungan yang di perolehi. Wang ini dimasukkan kedalam akuan banduan. Bandu-

boleh mengeluarkan wang ini jika diperlukan dengan syarat diluluskan oleh pihak pentadbir penjara. Sekiranya banduan terpaksa menanggung keluarganya, maka wang ini boleh dikeluarkan untuk membayai perbelanjaan keluarganya itu.

Pekerjaan yang disediakan di seksi pertukangan sambutan.

Pekerjaan yang disediakan di sini ialah pertukangan kayu, ukir mengukir, dan rotan. Setiap banduan diberi kebebasan untuk memilih mana-mana bidang yang disukainya. Walau bagaimanapun, kerja-kerja ini cuma boleh dilakukan pada masa-masa lapang atau dimasa rihat.

Saluran pelajaran.

Pelajaran merupakan salah satu saluran pemulihan yang penting dalam rancangan pemulihan penjara. Pelajaran memainkan fungsi yang 'multi-functional'. Ia adalah satu-satunya alat penyedar yang berkesan dalam memulihkan banduan dari sikap anti-sosialnya. Ia juga merupakan asas bagi pertumbuhan personaliti banduan dan juga menyediakan mereka dengan asas yang kukuh bagi memajukan diri sendiri, masyarakat serta negaranya.

Section 136 dalam undang-undang pemulihan di New York menyebutkan bahawa objektif pelajaran penjara seharusnya dapat menjadi alat sosialisasi yang penting bagi banduan. Jadi, untuk mencapai matlamat tersebut, dan seterusnya matlamat pemulihan, mereka harus diberikan pelajaran yang secukupnya di penjara.¹¹ Sementara itu

¹¹ New York Correctional Law, bab 864, Sec.136. Lihat juga tulisan Dr. Chenault, 'education', dlm. Contemporary Correction. Tappan P.

matalamat rancangan pelajaran penjara seperti yang tercatit dalam dalam rancangan pelajaran keluaran California Department of Education,¹² menyebutkan bahawa :

- 1) Rancangan pelajaran penjara adalah bertujuan untuk membantu dan memandu banduan dalam hidupnya di sisi masyarakat. Pelajaran dan bimbingan yang diperolehi dapat digunakan sebagai mencapai peluang pekerjaan yang disediakan, atau untuk berkerja sendiri bagi menara hidup mereka apabila dibebaskan kelak.
- 2) Untuk membantu pesalah memperbaiki personaliti dan pencapaiannya bagi membolehkan nya kembali kedalam masyarakat sebagai seorang yang sempurna dan berguna kepada masyarakat dan negaranya.
- 3) Untuk menggalakkan banduan dari menjadi buta turuf dan memberikan pelajaran sekurang-kurangnya yang minima, atau yang sedia berpelajaran rendah, rancangan pelajaran penjara menggalakkan mereka meninggikan lagi pelajaran mereka.
- 4) Untuk menggalakkan banduan menggunakan masa lapangnya secara yang paling berfaedah.
- 5) Untuk membantu banduan mengembangkan potensi dan kebolehan mereka serta membangunkan diri dan kehidupan mereka bagi menjamin kehidupan mereka yang cerah di sisi masyarakat, dan,
- 6) Untuk memberikan pemahaman yang benar dan luas terhadap keadaan dan perkembangan socio-ekonomi dan politik yang berlaku di luar dunia penjara.

Daniel Glaser¹³ pula menerangkan empat cara bagaimana sistem pe-

¹² California Department of Correction, Manual of Procedures in Education, Vocational Training and Recreation: Part 1, July 1948, m/

¹³ Daniel Glaser, The Effectiveness of Correctional Education, dlm.

lajaran di penjara dapat diperbaiki untuk menjadikannya sebagai satu rancangan pemulihan yang benar-benar berkesan. Pertama, dasar pelajaran haruslah bersifat 'challenge', yakni dapat menghapuskan perasaan kekecewaan di kalangan banduan untuk mendapatkan pelajaran. Hanya melalui cara ini banduan dapat menerima dan seterusnya menjayakan diri mereka melalui pelajaran yang diwujudkan di penjara.

Kedua, corak hubungan di sekolah penjara haruslah diubah. Hubungan dengan guru adalah merupakan satu konflik, yang mana perlu dielakkan. Masalah dan kerumitan yang dihadapi oleh banduan haruslah diselesaikan bersama-sama oleh guru tersebut. Sokongan dan galakan dari guru dan juga kakitangan merupakan faktor penting dalam mendorong kepada tercapainya cita-cita pemulihan penjara.

Rancangan pelajaran Penjara Taiping.

Di Penjara Taiping, boleh dikatakan sebahagian besar dari penghuninya adalah buta huruf atau hanya mempunyai pelajaran rendah sahaja. Di penjara, peluang yang luas serta kemudahan yang mencukupi disediakan kepada banduan untuk menimba ilmu pengentahuan. Usaha penjara ialah untuk menghapus buta huruf di samping untuk melengkapkan diri banduan dengan pelajaran yang mencukupi, guna sebagai bekalan bagi mereka untuk menempuh hidup baru di sisi masyarakat yang mengutamakan pelajaran sebagai saluran mobiliti sosial yang penting. Klas-klas dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris dijalankan oleh guru yang terlatih. Peluang untuk mendapatkan pelajaran di -

beri secara sama adil dan tidak dihadkan. Banduan diberikan kesempatan dan galakan untuk menduduki sebarang periksaan yang diadakan, seperti LCE/SRP, MCE/SPR dan HSC/STP.

Kemudahan-kemudahan lain yang disediakan dalam rancangan pelajaran penjara di Peniaga Taiping.

Di samping klas-klas akademik yang dikendalikan oleh tenaga pengajar yang berkalibar, banduan juga disediakan dengan kemudahan kutub khanah. Kemudahan ini dinikmati oleh semua banduan secara adil. Mereka dibenarkan menggunakan kemudahan ini seluas-luasnya. Mereka diberi peluang meminjam buku dari kutub khanah tersebut. Oleh kerana kutub khanah tersebut kecil, maka jiliran menggunakan nya terpaksa diadakan dan ini dibuat mengikut lengkel-bengkel. Buku-buku dalam Bahasa Malaysia, Inggeris, China dan Tamil disediakan untuk kepentingan semua banduan dalam penjara. Selain dari itu, mereka juga dibekalkan dengan surat khabar dan majallah, untuk membolehkan mereka mengikuti perkembangan dan peristiwa yang berlaku diluar dari dunia penjara.

Jadual 2.2

Seksi pelajaran Peniaga Taiping.

Bilangan pelajar, 1975-79.

Tahun.	Bilangan pelajar.
1975	323 orang.
1976	368 "
1977	285 "
1978	292 "
1979	265 "

Jadual 2.3 menunjukkan jumlah pelajar di sekolah yang berada dalam penjara dan jumlah pelajar di sekolah yang berada dalam penjara.

1) Bagi banduan yang menjalani hukuman singkat mereka juga

Jenis klas.	Tah. kpd.	1975	1976	1977	1978	1979
English		105	132	41	58	45
Bahasa Melayu		73	58	31	40	30
Ugama		145	178	213	194	190
Jumlah.		323	368	285	292	265

Jadual 2.5 menunjukkan bahawa kadar pertambahan bilangan pelajar di sekolah penjara telah merosot. Komerosotan ini dapat dijelaskan oleh sebab-sebab berikut.

- 1) Mendapat pelajaran bukanlah suatu yang diwajibkan di penjara. Mereka yang tidak berminat terhadap pelajaran tidak dipaksa menghadiri klas-klas yang diadakan. Oleh kerana majoriti penghuni adalah buta huruf, mereka tidak mempunyai asas pelajaran yang dapat memberikan motivasi kearah pencapaian pelajaran yang lebih tinggi. Ini merupakan masalah utama yang dihadapi oleh pihak penjara dalam menyalurkan banduan kesaluran pamulihan ini. Kurangnya minat, ditambah dengan tiadanya paksaan dalam mendapatkan pelajaran, merupakan satu faktor penting mengapa bilangan pelajar di sekolah pelajaran merosot.
- 2) Bagi banduan yang menjalani hukuman singkat, mereka tidak berkesempatan untuk melengkapkan diri mereka dengan pelajaran di penjara. Mereka lebih banyak bertumpu di bidang kerohanian.
- 3) Banduan yang menjalani hukuman iama lebih berminat di sekolah perkajsaan yang diwajibkan keatas mereka. Bagi banduan yang mem-

punyai kemahiran yang luar biasa, mereka lebih cenderung melibatkan diri dalam rancangan perkerjaan sambilan, dan

4) Bagi banduan yang menerima hukuman sepanjang hayat dan juga banduan yang telah tua, pelajaran bukanlah lagi suatu yang berfaedah pada anggapan mereka. Dengan ini minat dan sumangat untuk mendapatkan pelajaran adalah tertutup sama sekali.

Kebajikan kerohanian.

Ugama merupakan egen pemulihian yang tidak kurang juga pentingnya bagi pesalah yang dipenjarakan. Menyadari hakikat ini, pihak penjara telah menganjurkan kegiatan keugamaan bagi mengembalikan kesedaran ugama di kalangan banduan. Melalui bimbingan ugama adalah diharapkan mereka dapat memahami dan menginsafi dari melakukan perbuatan-perbuatan yang salah dan bertentangan dengan nilai-nilai dan peraturan serta ugamanya.

Setiap banduan diberi kesempatan dan dorongan yang luas untuk mengikuti rancangan kerohanian penjara. Latihan - latihan rohani ini diberikan secara giliran, mengikut bangkel yang ada. Begitu juga dari segi pengutamaan, setiap bangsa diberikan kesempatan dan peluang yang sama untuk mengikuti klas kerohanian tersebut. Bagi banduan yang berugama Islam, dikhaskan seorang guru ugama bagi memberikan ceramah dan bimbingan ugama, dan klas-kelas ini dijalankan pada hari Jumaat bertempat di surau penjara.

Bagi banduan yang berugama kristian, ceramah-ceramah dan syarahan

ugama diadakan pada hari Sabtu (dalam bahasa China) dan Ahad (dalam bahasa Inggeris). Begitu juga bagi banduan yang berugama Buddha, syarahan dan bimbingan ugama juga diadakan bagi mereka.

Kegiatan masa lapang.

Kegiatan masa lapang bukan sahaja boleh mendorong terhadap kebajikan jasmani dan rohani tetapi juga dapat membantu mengurangkan ketegangan dan kebosanan hidup di penjara. Menyedari hakikat ini, kemudahan yang luas disediakan sepenuhnya kepada semua banduan bagi membolehkan mereka mengisi masa lapang mereka dengan cara yang paling baik dan berfaedah. Rancangan masa lapang ini dapat dibahagikan kepada dua aspek iaitu aktiviti sukan dan hiburan.

Aktiviti sukan.

Majlis sukan banduan telah ditubuhkan pada tahun 1968 bagi menyebarluas dan meninggikan mutu sukan di kalangan banduan. Majlis ini terdiri dari 16 orang Jawatan kuasa yang menguruskan hal-hal sukan banduan. Permainan yang dijalankan terdiri dari permainan badminton, ping-pong, sepak takraw, dan juga olah raga. Gelanggang sukan yang lengkap dan juga juru latih, juga disediakan dalam menjamin setiap banduan dapat melibatkan diri dalam aktiviti sukan di penjara. Pertandingan sukan antara bengkel yang dijalankan secara 'league', kerap diadakan dan dari sini johan antara bengkel dipilih untuk memenangi hadiah pusingan dari penjara. Di samping pertandingan yang dijalankan sesama banduan, pasukan-pasukan luar juga kerap dijemput untuk mengadakan pertandingan persahabatan dengan banduan, bertempat di

dalam penjara. Pasukan luar ini biasanya terdiri daripada persatuan-persatuan dan kelab sukan yang berhampiran. yang paling komparatif dan berkesan.

Aktiviti hiburan.

Di samping aktiviti sukan, banduan juga turut menikmati berbagai-bagai aktiviti hiburan yang dijalankan di dalam penjara, seperti tayangan wayang gambar, televisyen, musik cassette, radio dan beberapa pertunjukan pentas. Menjelang hari-hari perayaan seperti Hari Kebangsaan, pertandingan hiburan seperti talentime, juara kumiran dan sebagainya, diadakan. Dari sini penyanyi dan pencaragan terbaik dipilih untuk memenangi hadiah istimewa dari pihak penjara.

Dengan adanya aktiviti-aktiviti tersebut, adalah diharapkan semua hasil kerja dan usaha yang dilakukan oleh para banduan akan dapat menikmati keseronokan, sama seperti yang dinikmati oleh masyarakat luar, di samping untuk memupuk semangat dan sikap bertanggung jawab, berdisiplin serta berinisiatif. Melalui aktiviti ini juga adalah diharapkan agar cita-cita pemulihan akan dapat dicapai dalam jangka masa yang sehabis cepat.

Kemudahan-kemudahan lain yang terkandung dalam rancangan pemulihan.

Di samping rancangan pemulihan yang khas diatur bagi kepentingan banduan, terdapat juga kemudahan-kemudahan lain yang diperuntukkan kepada banduan dalam usaha untuk mempercepatkan pencapaian cita-cita pemulihan penjara. Rancangan dan kemudahan ini juga bertujuan untuk mengelakkan sebarang kemungkinan yang tidak sihat seperti tekanan jiwa, yang berakibat dari kesan pengasingan dan kebosanan hidup dalam penjara. Atas kesedaran ini pihak penjara telah memberikan sedikit

kelongaran dan kebebasan yang terhad, dalam menjamin setiap banduan yang dirawat dapat dipulihkan dengan cara yang paling sempurna dan berkesan.

Kemudahan untuk dilawati.

Rancangan ini lahir dari inisiatif penjara untuk mencari jalan kearah mengintegrasikan semula banduan dengan dunia luar, khasnya dengan keluarganya. Untuk itu setiap penjara baik yang bersifat tertutup seperti Penjara Taiping, membenarkan orang-orang luar untuk bertemu dengan banduan, walaupun pertemuan ini adalah pada peringkat yang paling minima. Rancangan terbaharu Skim Pemulihan California¹⁴ misalnya membenarkan setiap keluarga banduan untuk tinggal selama dua hari bersama-sama banduan di rumah khas yang bertempat di dalam penjara. Rancangan sukar-sala di Amerika juga membenarkan keluarga banduan untuk menghadiri pesta dan perayaan yang dijalankan di dalam penjara. Semantara itu sistem penologi di Sweden¹⁵, membenarkan suami atau isteri banduan untuk tinggal bersama-sama nya dan mereka juga dibenarkan bercuti selama dua minggu setiap tahun untuk pergi berkelah atau berihat di tepi pantai bersama anak-anak mereka.

Di Penjara Taiping, setiap banduan dibenarkan untuk dilawati oleh orang luar pada masa-masa tertentu. Ketika dilawati, banduan dikena kan kawalan yang ketat dan ditempatkan dibilik khas bagi memboleh-

¹⁴ The Family Visiting Program at The California Correction Institute Tehachapi, July, 1968, Dlm. Annual Research Review, Department of Correction, 1970, m/s 43.

¹⁵ Kriminal Varden, 1968. Stockholm, Swedish Correctional Administration 1969.

kannya berjumpa dengan pelawatnya.

Jadual 2.3

Jadual berjumpa banduan di-
Penjara Taiping.

Banduan biasa	peringkat 1&2	3	4	Khas.
Tempuh berjumpa.	4 Minggu sekali.	3 minggu, minggu, minggu,	2	1
Lama masa berjumpa.	30 minit.	30mt.	30mt.	30mt.
Banduan buang negeri.	peringkat 1	2	3	
Tempuh berjumpa.	1 bulan sekali.	3 minggu, minggu,	2	
Lama masa berjumpa	15 minit.	20mt.	20mt.	

Sumber: Ibu pejabat penjara, Penjara Taiping.

Melihat kepada rancangan pemulihan yang dijalankan, ternyata hal rancangan-rancangan tersebut adalah sesuai dengan keadaan hidup banduan di dalam penjara dan berguna untuk masa depannya di sisi masyarakat kelak. Bentuk pemulihan yang serupa dengan apa yang terdapat dalam masyarakat adalah perlu sebagai bekalan bagi banduan untuk menghadapi hari nukanya bila dibebaskan kelak.

Dalam menjalani tugasnya, penjara terpaksa menjalankan dua tugas yang bergerak serentak, iaitu tugas pemulihan dan juga menujudkan kawalan yang selamat keatas banduan. Dua tugas ini merupakan suatu konflik yang harus diselesaikan dengan bijak oleh pihak pentadbir penjara. Walau bagaimanapun, kita harus berbangga kerana walaupun dalam usia yang agak muda, tetapi institusi penjara kita telah menunjukkan kejayaan yang hampir setanding dengan negara Barat.

Setiap institusi pemulihian baik di negara maju, apatah lagi di negara membangun, menghadapi berbagai-bagai masalah dan risiko yang tersendiri dalam usaha untuk melaksanakan setiap rancangan dan aktiviti pemulihian. Masalah ini dapat ditinjau dari dua segi, iaitu masalah yang dihadapi oleh pihak pentadbiran dan juga masalah yang dihadapi oleh banduan.

tinggi dalam menjalankan peranan

Masalah di pihak pentadbiran.

Dalam menjalankan tugas pemulihian terdapat pegawai-pejawai yang memegang prinsip 'law enforcement', manakala di pihak lain ada yang berprinsipkan 'helping person'.¹ Kedua konflik ini membawa pertanyaan kepada kita siapa sebenarnya pegawai pemulihian dan apakah tugasnya. Persoalan ini perlu diketengahkan kerana sekiranya pegawai yang berkiblatkan 'law enforcement' dilantik menjadi pegawai pemulihian, nescaya cita-cita pemulihian penjara tidak akan tercapai sepenuhnya.

Kenyataan ini disokong oleh Greenblat² yang menekankan bahawa masalah pemulihian timbul bersebab dari interaksi yang longgar antara pegawai-pejawai dan kakitangan pemulihian dengan banduan. Bagi pegawai yang terlalu berprinsipkan 'law enforcement', kemungkinan bagi mereka untuk menjalin hubungan yang erat dengan banduan adalah tipis sekali. Dengan kata lain, mereka lebih menekankan kepada

¹ The challenges of correctional change, The interface of conformity and commitment. Jay Hall, Martha Williams dan Louis Tamaino, Dlm. Prison Within Society, Lawrence Hazel Riggs, Garden City, Doubleday, 1963, m/s 309-311.

² Lihat M.Greenblat, From custodial to therapeutic patient care in Mental Hospital (N.York). Russel Sage Foundation, 1955 m/s 1-34.

langkah menujudkan kawalan yang selamat keatas banduan. Ini secara tidak langsung merupakan faktor penghalang kearah kesujudan interaksi yang kukuh antara kakitangan pemulihian dengan banduan. Sepatutnya setiap kakitangan pemulihian harus dapat menujudkan keparcayaan di kalangan banduan dan seterusnya dapat pula menjalin perhubungan yang rapat dengan banduan. Ini merupakan faktor penggerak yang penting dalam menjamin banduan dapat menerima dan seterusnya menjayakan setiap rancangan pemulihian yang diujudkan di penjara.

Sementara itu telah lahir pula pandangan baru yang cuba melihat konflik yang berlaku di kalangan kakitangan pemulihian di institusi pemulihian, dalam melaksanakan tugas-tugas pemulihian mereka. Pengarah atau pegawai atasan yang berkucci dalam sebuah institusi pemulihian, mempunyai kata putus dalam setiap keputusan yang dibuat. Dalam hal ini sekiranya ia terlalu menekankan kepada kuat kuasa peraturan dan disiplin, maka ia mengurangkan kemungkinan atau kemampuan tercapainya kejayaan rancangan pemulihian, kerana ia telah menyekat perhubungan yang rapat dan harmoni antara banduan dengan kakitangan. Tindakan begini cuma sesuai untuk institusi yang ingin menujudkan kawalan yang selamat keatas penghuni-penghuninya, dan tidak sesuai bagi sebuah institusi pemulihian, yang berfungsi untuk memulihkan pesalah-pesalah. Walaupun bagaimanapun, jika sebaliknya ia terlalu pessimis dengan dasar tersebut, sudah tentu disiplin dan kawalan institusi tersebut menjadi longgar dan ini boleh menjelaskan fungsi kawalan keselamatannya.

Di samping itu konflik dan masalah juga didapati berlaku di peringkat kakitangan keselamatan (guard). Dalam menjayakan cita-cita

perulihan, pegawai-pegawai yang berkualitas, berdidikasi dan ber-pandangan luas adalah diperlukan. Seorang warden yang cekap dan berorientasi kemanusiaan perulihan tidak akan melupakan kesalahan banduan yang mana difikirkan boleh diselesaikan sendiri olehnya. Ia mungkin cuba mewujudkan kesedaran terhadap banduan supaya kembali berkelakuan baik. Bagi mereka penghuni-penghuni penjara dianggap sebagai 'men', 'boys' atau sahabat yang telah besar yang perlu kan bantuan untuk keluar dari kesesatan mereka. Sebaliknya bagi warden yang berorientasi kemanusiaan untuk mewujudkan kawalan yang selamat ke atas penghuni-penghuni, mereka dianggap sebagai 'banduan', atau besar yang masih dikawal rapi. Dalam hal ini, jelas kelihatan dua bentuk konflik yang mana sedikit sebanyak boleh menjadai pencapaian cita-cita perulihan penjara.

Masalah di peringkat banduan.

Pengaruh latar belakang.

Setiap banduan boleh dikatakan datang dari berbagai-bagai corak latar belakang, bangsa, ugama, kepercayaan, adat, ekonomi dan sebagainya. Di dalam penjara mereka bergaul dan hidup bersama sebagai sebuah komuniti banduan yang dikawal oleh undang-undang dan peraturan penjara. Dalam perhubungan ini akan lahir pertemungan budaya yang kadang kala mencetuskan konflik dan menjadai integrasi di kalangan banduan di dalam penjara. Donald Clemmer menggunakan konsep - 'prisonization', dalam menerangkan corak hubungan antara banduan dengan kakitangan dan juga di kalangan mereka sendiri. Mereka bukan

³ Lihat Donald Clemmer, 'Prisonization', Dlm. Sociology Of Punishment and Correction, Johnstone, N. Savitz, L dan Wolfgang, N.E.N.York, J. Wiley, 1972.

sahaja terpaksa menyesuaikan diri sesama mereka tetapi juga dengan kakitangan institusi pemulihian, serta suasana atau persekitarlingan di dalam penjara. Mereka terpaksa mempelajari dan memahami peraturan dan disiplin dalam penjara, dan seterusnya mengikuti serta mematuhiinya. Pendekata, mereka terpaksa menempuh dan mempelajari hidup baru di dalam penjara, yang mana agak asing jika dibandingkan dengan corak kehidupan mereka ketika diluar penjara dulu. Dalam hal ini mereka lebih terdedah kepada konflik dan masalah yang mana secara langsung boleh menjadai pencapaian kejayaan setiap rancangan pemulihian yang dijalankan.

Masalah hubungan kakitangan dan banduan.

Menurut Mc.Conkie⁴, kejayaan sesuatu rancangan pemulihian bukanlah terletak pada bagaimana atau sebanyak mana rancangan pemulihian seperti pelajaran atau latihan vokesional dan sebagainya, tapi lebih banyak bergantung pada bagaimana ia menyesuaikan diri untuk hidup dan berhubung dengan pihak lain yang sesuai dalam corak perhubungan yang benar-benar bererti. Berpegang kepada kenyataan tersebut, apa yang dapat kita simpulkan ialah bahawa tanpa adanya persetujuan dan perhubungan yang erat antara banduan dengan kakitangan nescaya cita-cita dan matlamat pemulihian penjara tidak akan tercapai sepenuhnya.

Di negara-negara Barat, sistem penjara lebih mengamalkan prinsip demokrasi, bersatu padu serta kesempatan yang langsung dan luas di berikan kepada banduan untuk melibatkan diri dalam setiap perancangan dan projek-projek pemulihian yang dijalankan. Di negara kita,

sistem dan dasarnya adalah lebih bersifat kuatkuasa peraturan. Banduan tertakluk kepada setiap dasar dan keputusan yang dibuat oleh pihak penjara. Ini dapat melahirkan anggapan di kalangan banduan bahawa seolah-olah mereka dipaksa melibatkan diri dalam sesuatu rancangan pemulihan yang mana kadangkala tidak dimininya. Ini secara langsung boleh menjadai penerimaan dan pencapaian kejayaan setiap rancangan pemulihan yang dijalankan di penjara.

Masalah pemulihan di Penjara Taiping.

Masalah di peringkat pentadbiran.

Masalah utama yang dihadapi oleh sistem pemulihan penjara di Malaysia annya dan Penjara Taiping khususnya ialah masalah ko-tidak cukupan kakitangan untuk mengawal sejumlah besar banduan di sini. Pada keseluruhannya adalah didapati bahawa kadar pertambahan yang cepat dalam penduduk penjara telah menimbulkan keadaan kesesakan di dalam penjara. (lihat jadual 2.4 untuk lihat perbandingan antara banduan dan kakitangan)

Jadual 2.4

Bilangan kakitangan dan banduan dalam

Penjara Taiping, 1975-1979.

Tahun.	1975	1976	1977	1978	1979.
Kakitangan.	333	333	361	358	358
Banduan.	970	1595	1363	1434	1216
Nisbah.	1:3	1:4	1:3.5	1:4	1:3.5

Di Penjara Taiping, walaupun jumlah banduan didapati menurun sejak tahun 1976, tetapi suasana kesesakan dalam penjara masih lagi kelihatan. Dengan hanya seramai 358 orang kakitangan, berbanding dengan seramai 1 216 orang banduan, sudah tentu perhatian yang sempurna sukar di-berikan. Nisbah yang tidak seimbang ini juga dapat menggambarkan bahawa corak perhubungan yang ujud di antara banduan dengan kakitangan adalah longgar. Adalah nyata seorang warden terpaksa menjaga dan mengawal samada tiga hingga empat orang banduan. Ini belum lagi diperhitungkan kakitangan yang tidak terlibat sepenuhnya dengan banduan seperti sarjan atau kopral, kerana hanya warden biasa sahaja yang benar-benar mempunyai hubungan yang rapat dengan banduan. Mereka merupakan pegawai keselamatan dan juga pegawai pemulihan yang benar-benar bardamping rapat dengan banduan, memahami kehendak-kehendak dan masalah banduan.

Tidak syak lagi, kesesakan yang ujud di dalam penjara boleh menjadai keifisyen dan pencapaian cita-cita pemulihan penjara. Tumpuan yang longgar keatas banduan serta dalamnya jurang perhubungan antara banduan dengan kakitangan menjadikan penjara seolah-olah tempat mengurung dan mengasingkan pesalah dari masyarakat, bukan tempat pemulihan pemulihan pesalah.

Di samping masalah kekurangan kakitangan, penjara juga menghadapi masalah mendapatkan pegawai-pegawai yang berkualitar, berdidikasi dan berpandangan luas. Sifat-sifat ini perlu ada di jiwa setiap pegawai pemulihan. Mereka seharusnya dapat memainkan peranan yang multi-fuctional, seperti menjadi seorang ketua, pengawas disiplin, pekerja

sosial dan juga sebagai rakan kepada banduan. Dalam usaha untuk mengatasi masalah ini, pegawai kanan penjara kerap dianter ber-kursus keluar negeri seperti di Institiut Bangsa-Bangsa Bersatu Asia dan Timur Jauh di Tokyo dan di Staff College di Wakefield, England, samada di bawah Rancangan Colombo maupun di bawah biasiswa persekutuan.

Di samping masalah ketidaksesuaian ekonomi, Penjara Taiping juga menghadapi masalah jumlah penduduk penjara yang besar dan masalahnya.

Ketika ini keseluruhan bangunannya masih dalam keadaan yang lama.

Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Penjara Malaysia menyatakan bahawa kadar pertambahan banduan adalah terlalu pesat. Tinggi, serta sebab-sebabnya yang berlaku pada tahun-tahun

nunjukkan bahawa kadar pertambahan banduan adalah terlalu pesat.

Laporan tersebut juga menyebutkan bahawa keadaan kesesakan telah

dan akan terus berlaku di kesemua penjara di negara kita. Sekarang

sahaja terdapat hampir 10 000 orang banduan berbanding dengan

1 860 orang warden yang berkerja dalam empat giliran tugas. Ini

bermakna setiap orang warden terpaksa mengawal antara tiga hingga

empat orang banduan, satu tugas yang mungkin tidak dapat dijalankan dengan sempurna. Keadaan ini diramalkan akan bertambah buruk

menjelang tahun 1981-82, bila mana jumlah banduan diramalkan meningkat ke 12 000 orang.⁵

Pertambahan yang besar dalam komuniti banduan telah mengacilkkan kemudahan dan akomodasi yang dapat disediakan kepada mereka.

Di Penjara Taiping, walaupun bilangan penduduk penjara didapati

menurun, tapi ianya masih lagi dianggap besar. Ini memandangkan

kepada matlamat penubuhan penjara ini ialah untuk menampung hanya

antara 600 ke 800 orang sahaja, padahal sekarang terdapat seramai

⁵ Lihat Malay Mail 14 Ogos 1978.

1 216 orang, yakni dua kali ganda dari matalamat pengambilannya. Tidak mustahil lagi, sudah tentu kemudahan dan keistimewaan yang yang dapat dinikmati oleh banduan-banduan dulunya, sekarang terpaksa dikorbankan sebahagian darinya untuk kepentingan banduan yang baru dimasukkan ke sini.

Di samping masalah ketidakcukupan akomodasi, Penjara Taiping juga menghadapi masalah bersabit dengan keadaan persekitarannya. Boleh dikatakan keseluruhan bangunannya masih dalam bentuk yang agak lama. Bentuk bangunan yang mengerikan dengan temboknya yang tebal dan tinggi, serta perletakkannya yang terpencil boleh mahimbulkan kesan-kesan yang tidak baik terhadap perkembangan personaliti banduan.⁶ Pemandangan yang kurang enak dan menakutkan boleh melemah, memati dan melenyapkan semangat dan kesungguhan banduan dalam menerima dan menjayakan setiap rancangan pemulihan yang dijalankan keatasnya.

Masalah dadah.

Salah satu masalah serius yang dihadapi oleh pihak pentadbiran penjara ialah masalah dadah. Di Penjara Taiping, kira-kira 30% penghuninya adalah terdiri dari pesalah dadah. Akhir-akhir ini terdapat maklumat yang menunjukkan adanya cubaan untuk memasukkan dadah kepenjara dan juga kegiatan mengedor dan menghisap dadah di kalangan banduan. Kebanyakan banduan yang terlibat dalam kegiatan ini terdiri dari pesalah-pesalah dadah. Adanya kakitangan penjara yang terlibat dalam kegiatan memasukkan dadah kepenjara telah menambah burukkan lagi masalah yang dihadapi.

⁶ Robert D. Barnes, 'Prison architecture and function; Modern prison planning, Dlm. Contemporary Correction, Paul Tappan, N.York McGraw Hill 1951, m/s 269.

Banduan yang berkesempatan manikmati dadah merasakan seolah-olah terlepas dari kawalan dan peraturan penjara, lantas kembali bersikap dan berkelakuan seperti sebelum masuk kepenjara dulu. Ini secara langsung menjejas pencapaian setiap rancangan pemulih-an yang dijalankan keatas mereka. Lebih buruk lagi ialah sikap dan anggapan banduan terhadap kakitangan penjara yang terlibat dalam kegiatan ini, bilamana mereka menganggap bahawa orang yang mencegah lagi melakukan, apa lagi mereka yang semang dicap sebagai tahi dadah. Di satu pihak lain pula mungkin timbul keper-cayaan bahawa kakitangan pemulihian dan juga penjara telah gagal memulihkan mereka dan dengan ini mangakibatkan mereka putus asa lantas tidak menumpukan sepenuh minat dan perhatian terhadap ran-cangan pemulihian yang dilibatinya.

Dalam usaha untuk mengatasi masalah ini, Jabatan Penjara Malay-sia telah mengambil langkah membentuk bangunan Penjara Khas Seremban dan seterusnya menempatkan semua pesalah dadah di sini. Denganada nya penempatan ini, kawalan serta pemulihian dapat dilaku-kan dengan lebih berkesan lagi. Setiap kemudahan yang diperlukan bagi pesalah dadah disalurkan kesini, dengan ini menjadikan penjara ini khusus untuk memulihkan pesalah-pesalah dadah.

Masalah di kalangan banduan di Penjara Taiping.

Di Penjara Taiping, boleh dikatakan setiap penghuninya adalah datang dari berbagai corak latar belakang yang mana berbeda antara satu sama lain. Mereka bukan saja berbeda dari segi ras, tetapi juga bahasa, adat resam, kepercayaan dan juga kedudukan ekonomi.

Di dalam penjara mereka bergaul dan hidup bersama-sama dalam membentuk sebuah komuniti banduan yang teratur. Dalam pertembungan tersebut akan ujud pertembungan budaya antara banduan yang kadang kala mencetuskan konflik. Dalam hal ini setiap banduan terpaksa menyesuaikan diri dengan keadaan dan corak hidup di penjara. Proses menyesuaian ini bukan setakat antara sesama banduan malah juga dengan orang-orang yang pulang bersemasa di luar penjara. Lalu lagi antara banduan dengan kakitangan.

Proses menyesuaian ini amat perlu diujudkan dengan cara yang paling berkesan bagi memastikan terbentuknya komuniti banduan yang teratur serta berintegrasi. Sekiranya menyesuaian ini gagal diujudkan nescaya cita-cita dan matalamat pemuliharaan penjara akan turut terjejes. Kadangkala terdapat banduan yang gagal menyesuaikan diri dengan kehidupannya di dalam penjara dan mereka ini mengalami kegelinciran sosial dan fizikal. Kegagalan ini boleh memperarhi kecenderungan dan minat mereka untuk menjayakan setiap rancangan pemuliharaan yang diujudkan, dan ini secara langsung boleh menjadai pencapaian matalamat pemuliharaan penjara.

Masalah personaliti.

Boleh dikatakan setiap banduan mempunyai sikap dan perasaan rendah diri, malu, bersalah dan takut untuk menghadapi masyarakat umum bila dibebaskan kelak. Mereka berada dalam dilemma antara penjara dan masyarakat. Mereka akan menjadi bahan stigma sosial. Anggapan tersebut boleh mematikan semangat banduan tersebut untuk memperbaiki diri dan nasibnya. Banduan yang mudah berputus asa ini mudah bersikap cui dan tidak mempunyai perhatian terhadap rancangan

masyarakat dari perbuatan jenayah bagi masyarakat luar akan memerlukan yang dikenakan keatasnya. Dalam hal ini mereka menghadapi dua tekanan mental, iaitu tekanan dalam penjara dan tekanan masyarakat luar. Tekanan-tekanan ini cuma menambahkan lagi masalah-masalah tersebut. Dan gagal mengintegrasikan kembali masalah dan penderitaan mereka.

bukti penyalahgunaan masyarakat sendiri. Sejurus mungkin

Dalam hal ini institusi penjara haruslah dapat memainkan fungsi barunya dengan cara yang paling berkesan iaitu untuk melindungi masyarakat dari perbuatan salah dan juga melindungi pesalah dari tindakan dan stigma masyarakat. Di samping itu, pihak penjara juga haruslah sedar dan mengambil langkah-langkah positif dalam menggalakkan setiap banduan melibatkan diri dalam setiap rancangan dan aktiviti pemulihan yang dijalankan, kerana tanpa sokongan dan sumbangan mereka, rancangan dan matlamat pemulihan tetap akan tinggal matlamat yang seterusnya mungkin menjadi angan-angan. Setiap bentuk paksaan harus dielakkan sama sekali.

Desakan bagi memperbaiki kacacetan sistem pemulihan penjara berlaku di mana-mana, baik di negara maju maupun di negara yang sedang membangun seperti negara kita. Desakan ini bukan saja didatangkan dari banduan-banduan, malah juga dari pihak mahkamah dan masyarakat. Kesemua perubahan ini haruslah menekankan rasa simpati terhadap banduan, sebagai seorang yang telah sesat dan perlu dibetulkan. Kebanyakan institusi penjara gagal memenuhi tugasnya untuk mengurangkan perbuatan-perbuatan jenayah dan anti-sosial dalam masyarakat. Kadar recidivism terus meningkat. Dalam banyak hal penjara berjaya menghukum bukan memulih pesalah-pesalah. Penjara berjaya melindungi -

masyarakat dari perbuatan jenayah tapi sayangnya hanya untuk sementara sahaja. Mereka berjaya menunaikan amanah masyarakat untuk mengasingkan pesalah dari masyarakat, tapi gagal memulihkan kembali pesalah-pesalah tersebut dan gagal mengintegrasikan kembali bekas-bekas pesalah kedalam masyarakat asalnya. Sejarah menunjukkan bahawa dengan hanya mengubah rancangan yang spesifik tanpa memperhitungkan masalah yang dihadapi untuk diatasi, maka segala kejayaan yang diharap-harapkan tidak akan menjalma dengan begitu mudah. Jadi adalah perlu bagi institusi penjara di negara kita yang mana agak masih muda usianya untuk manoleh kembali kebalikang melihat apakah masalah yang sejauh ini dihadapi baik oleh pihak pentadbir atau pun banduan. Segala masalah ini haruslah diselesaikan dengan cara yang kritis dan sempurna bagi menjamin setiap matalamat dan cita-cita pemulihan penjara dapat dijayakan dengan sepenuhnya.

Kesan dan kejayaan rancangan pemulihan penjara.

Matalamat setiap rancangan pemulihan adalah untuk merawat dan seterusnya memulihkan individu-individu yang menyeleweng dari sikap dan perlakuan anti-sosialnya, bagi membolehkan mereka kembali kedalam masyarakat dan hidup dalam aman damai. Kesan dan kejayaannya bergantung pada dua faktur iaitu sejauh manakah rancangan tersebut dilaksanakan dengan sepenuhnya dan kedua, sejauh mana pula sambutan banduan terhadap rancangan yang dijalankan. Sekiranya kedua-dua faktur ini bersifat positif maka kesan dan kejayaan rancangan pemulihan adalah juga positif, sebaliknya jika terdapat kecacatan atau kelalahan dalam mana-mana bahagian tertentu, maka sudah tentu kejayaan yang diharap-harapkan tidak akan dapat dicapai sepenuhnya.

Seperi yang telah disebutkan, dalam melaksanakan setiap tugas pemulihan, baik di pihak penjara maupun di pihak banduan, terdapat masalah-masalah yang boleh menjadai pencapaian kejayaan setiap rancangan yang dijalankan. Segala masalah dalam tugas pemulihan haruslah diatasi bagi menjamin setiap rancangan pemulihan yang dijalankan benar-benar berkesan dan berjaya mencapai matlamatnya.

Satu cara yang lazim digunakan untuk mengukur sejauh mana rancangan pemulihan berjaya mereorientasi pesalah kepada nilai-nilai dan peraturan masyarakatnya ialah melalui ukuran 'recidivism'. Di Malaysia, kadar recidivism dapat ditunjukkan seperti di Jadual

data mewakili **Jadual 2.5** yang telah memberi maklumat mengenai
bilangan **Kadar recidivism di kalangan bekas-bekas banduan antara tahun 1971-73.**

Tahun.	1971	1972	1973.
Bilangan banduan yang dibebaskan.	5010	4838	4935
Bilangan banduan yang dimasukkan semula.	1088.	964.	1022.
Kadar recidivism.*	21 %	20 %	20 %

* peratus dibulatkan.

Pemandang data diatas, nampaknya rancangan pemulihian penjara belumlah begitu berjaya sepenuhnya dalam usahanya untuk mengembalikan banduan kepada sikap dan perlakuan yang normal. Kenyataan ini sebenarnya tidaklah seratus peratus benar. Ada faktor lain yang perlu dilihat, yang mana sebahagian besarnya turut menyertai kembali bekas-bekas banduan kembali kepenjara.

Memang tidak dapat dinafikan, bahawa setiap banduan yang dibebaskan untuk kembali kepada masyarakat akan menghadapi berbagai masalah dalam menjalani hidup baru di sisi masyarakat. Mereka tidak dapat lari dari dicap sebagai 'seorang jahat', 'sampah masyarakat' dan orang yang membahaya kepada masyarakat'. Dengan kata lain mereka akan sentiasa berhadapan dengan stigma sosial. Proses mengelap dan seterusnya stigma masyarakat tidak akan selesai begitu mudah.

Dalam keadaan ini bekas-bekas banduan terpaksa menghadapi seribu

satu masalah personaliti. Pendek kata mereka tidaklah begitu bahas. Setiap gerak geri mereka sentiasa diawasi dan dalam keadaan ini mereka tidak mendapat perhatian dan pertolongan dari masyarakat. Dalam keadaan inilah mereka merasakan seolah-olah tidak lagi mendapat tempat di dalam masyarakatnya lantas dengan mudah kembali kepada sikap anti-sosial.

Walau bagaimanapun, tidaklah kesemua bekas-bekas banduan menghadapi masalah seperti ini, malah ada di antara mereka yang mendapat perhatian dan bantuan yang sukupuhrnya dari masyarakat. Di negara-negara Barat, kebanyakkan rancangan pemulihhan dijalankan di dalam penjara. Ini bertujuan untuk menyedar dan mempercepatkan proses pembelajaran semula di kalangan banduan di samping untuk menjalin hubungan mereka dengan masyarakat.

Penceburan dan penglibatan kembali bekas-bekas banduan kedalam kumpulan yang kriminal juga merupakan faktor yang mendorong dan menarik mereka kembali kelambah jenayah dan sesat. Didesak oleh keadaan terbiar dan ditambah oleh tarikan pengaruh dari rakan-rakan, maka mudahlah pula bekas-bekas banduan ini kembali menjadi recidivist.

Di samping masalah ini, bekas-bekas banduan juga menghadapi masalah dan persaingan untuk mendapatkan pekerjaan di dalam masyarakat, yang mana pengalaman dan kelulusan adalah menjadi kautamaan. Dalam persaingan ini mereka kerap gagal dan berputus asa. Di tambah oleh kekurangan pekerjaan, mereka tak ubah umpama 'melukut di tepi gantang'.

Sementara itu di kalangan setengah majikan menerima pekerja yang terdiri dari bekas-bekas banduan adalah dianggap berbahaya dan tidak diingini. Segala tingkah laku dan kebolehan mereka adalah sentiasa diragukan. Dalam keadaan inilah bekas-bekas banduan kerap gagal mendapatkan pekerjaan disektor swasta.

Bentuk bentuk persatuan mereka.

Jalan kedua mempergunakan segala kemahiran yang diperolehi di penjara dulu ialah dengan berkerja sendiri. Dalam keadaan ini pun mereka masih lagi berhadapan dengan persaingan. Untuk membuka kedai jahit kasutpun mereka gagal akibat dari persaingan dengan anggota masyarakat. Jadi segala kemahiran dan pengalaman yang diperolehi di penjara dulu seolah-olah sia-sia sahaja bagi mereka.

Kemudian, mereka bertemu dengan orang-orang cida-cida berpendidikan yang dari hakikat inilah tertubuhnya persatuan membantu bekas-bekas banduan, di mana melalui persatuan ini banduan diseluruh kebeberapa saluran pekerjaan yang terdapat dalam masyarakat, sama ada bekerja dengan kerajaan, pihak swasta maupun berkerja sendiri. Satu-satu ini persatuan tersebut telah ditubuhkan di Pulau Pinang, Ipoh, Negeri Sembilan dan Johor.

Dengan adanya usaha-usaha begitu mereka merasakan bahawa mereka juga mendapat tempat di dalam masyarakat, untuk hidup dan berusaha bagi menyumbangkan bakti pada masyarakat dan negaranya. Selain dari itu segala pengalaman dan kemahiran yang diperolehi di penjara dulu akan melahirkan tenaga buruh yang efficient dan murah. Jadi kesempatan yang luas haruslah diberikan kepada mereka bagi membolehkan

mereka menunjukkan kebolehan serta inisiatif dalam menjalankan hidup baru di sisi masyarakat. Adalah diharapkan segala kejayaan yang ditempuh oleh mereka akan dapat melemparkan stigma sosial yang sangat diteskuti dan disayangi oleh mereka.

Masa depan pemulihan penjara.

Perubahan dari segi teknik pemulihan.

Banyak pendapat yang menyarankan bahawa perubahan yang radikal adalah perlu dalam institusi penjara, bagi menjamin setiap dasar dan matlamat pemulihan akan dapat dicapai sepenuhnya dengan berkesan. Akan tetapi persesaj bagi perlaksanaan cita-cita tersebut adalah suatu yang berbeza, seperti mana yang diterangkan oleh Jacob J. Kaufman bahawa ;

- 1) Sebarang innovasi dalam institusi pemulihan adalah suatu yang rumit, yang berhubung dengan fungsi yang berkonflik. Fungsi yang berkonflik ini ialah fungsi kawalan keselamatan dan fungsi pemulihan. Penekanan seorang ahli sosiologi ialah bahawa inovasi ini perlu berlandaskan atas perhubungan antara banduan dengan masyarakat atau kumpulannya. Seorang ahli antropologi menekankan tentang budaya, sub-culture dan hubungan etniknya manakala seorang ahli psikologi pula ialah pada pola perlakuan kriminal banduan sebagai satu hubungan yang luas yang berkait dengan masalah emosinya. Jadi setiap inovasi yang hendak dibentuk adalah seniasa berada dalam keadaan konflik.

- 2) Ciri-ciri dan persekitaran dalam institusi penjara tidak begitu sesuai dengan tugas pemulihan. Suatu keadaan yang agak bebas dan longgar serta terbuka perlulah diujudkan dalam usaha untuk mencapai inovasi yang mana ini adalah terlalu kurang atau tiada lansung dalam kebanyakan institusi penjara hari ini.
- 3) Pegawai penjara haruslah menyedari bahawa institusi penjara adalah khusus dalam tugasnya untuk memulihkan banduan dari sikap antisosialnya. Untuk itu sebarang struktur sosial yang rigid dan sebarang susunanahiraki yang ujud di kalangan banduan atau antara banduan dengan kakitangan, haruslah dihapuskan, atau digunakan sebaik-baiknya untuk kepentingan pemulihan.
- 4) Kedudukan institusi pemulihan yang dapat dicirikan oleh bentuk atau susunan masyarakat sekitarnya, adalah juga perlu dalam mempengaruhi dan menentukan struktur masyarakat yang produktif dan gaya hidup yang sesuai di dalam penjara. Kebanyakan banduan hanya memperingkat dirinya sendiri, sebagai bersifat 'atomized'. Ini perlu dihapuskan supaya setiap banduan dapat hidup bersama sebagai sebuah komuniti penjara yang penuh dengan semangat integrasi dan harmoni.
- 5) Banduan hidup dalam 'dunia yang bersifat survival' untuk diuji dan dalam keadaan ini mereka adalah dilemahkan oleh peraturan di dalam penjara. Banduan yang dikurung di dalam penjara yang menekankan kawalan yang selamat, menghadapi tekanan yang lebih buruk lagi, terutama dari aspek psikologinya. Adakah ini merupakan faktur penggalak dan pencepat kepada pencapaian mata selamat pemulihan ?.

- 6) Kakitangan institusi pemulihian menghadapi dilemma dalam perhubungan mereka dengan banduan. Mereka perlu menjaga status mereka dalam menastikan setiap peraturan sentiasa berada di dalam kuatkuasa mereka. Dalam keadaan ini perhubungan yang erat, harmoni dan bersefahaman antara banduan dengan kakitangan yang perlu diujudkan dalam sebuah institusi pemulihian tidak akan ujud, dan
- 7) Bagi penjara yang menekankan kawalan yang selamat, pengubahan dasar yang dibuat tanpa mempertungkan sebarang inovasi yang mungkin. Jadi, dalam keadaan ini, sebarang kelonggaran dan kebebasan yang mungkin, langsung tidak ujud.

Kesemua faktur di atas adalah natura faktur-faktur yang patut dilihat dalam menerangkan beberapa resolusi penghalang kepada pencapaian proses pemulihian banduan yang selama ini menjadi amalan kebanyakkan institusi pemulihian hari ini.

Sekarang terdapat dua prinsip yang menjadi dalam proses pemulihian iaitu prinsip perhubungan sosial dan prinsip personaliti. Seperti yang dikatakan oleh Stanton dan Schwartz, ahli-ahli sains masyarakat melihat organisasi sebagai suatu yang dibentuk oleh perhubungan sosial dan personaliti ahli-ahli dalam masyarakat tersebut. Individu dilaihat sebagai dihasilkan dari perhubungan sosial masyarakat, dan dalam keadaan ini, sudah tentu personalitinya juga bias pada masyarakatnya. Jadi apa yang dapat disimpulkan ialah bahawa seseorang yang hidup dalam masyarakat yang sempurna tidak akan jadi devian. Dalam hal inilah kebanyakkan pandapat menyarankan supaya perhubungan sosial di dalam penjara diperbaiki dalam menjamin ianya dapat me-

nunaikan tanggung jawabnya sebagai agen pemulihan yang penting dalam masyarakat.

Di Barat, rancangan parole dan probation dianggap sebagai rancangan yang mempunyai prinsip perhubungan yang dapat mewujudkan pesalah kepada masyarakat melalui perhubungan sosial yang ujud. Rancangan pemulihan penjara dianggap gagal untuk mengembalikan bekas-bekas banduan kepada masyarakat yang bukan kriminal. Melalui rancangan ini, pesalah dipulihkan melalui pemupukan keyakinan diri dan perasaan persahabatan serta perhubungan yang kukuh dengan anggota masyarakatnya, membina sikap hormat pada diri sendiri dan menyesuaikan diri dengan persekitarannya.

Walau bagaimanapun, rancangan pemulihan seperti rancangan kemahiran misalnya dapat memupuk minat banduan terhadap kegiatan perusahaan atau kegiatan yang positif dan produktif, lantas lebih banyaklah masa ditimpukan kepada bidang yang diminatinya. Jadi disini, penjara bukan saja dapat memperbaiki moral penghuni-penghuni nya malah juga dapat menyediakan masa depan yang cerah bagi mereka. Pengalaman dan kemahiran yang diperolehi merupakan bekal bagi mereka dalam menempuh hidup baru disisi masyarakat yang mengutamakan kemahiran dan pekerjaan sebagai saluran mobiliti sosial yang penting.

Penggunaan pakar-pakar ilmu Jiwa semakin popular dalam teknik pemulihan baik di institusi penjara maupun dalam rancangan parole atau probation. Melalui rawatan secara psikologi ini masalah dan kehendak pesalah dipenuhi dimana mungkin. Rawatan dan pemulihan bentuk baru ini didapati sangat berkesan dalam mengubah perlakuan anti-sosial yang dilakukan olehnya untuk menyiksa.

sosial pesalah-pesalah. Penekanan rancangan ini ialah untuk memuaskan kehendak-kehendak dan menyelesaikan masalah pesalah-pesalah dan seterusnya membantu mereka dari kesesatan mereka. Walau bagaimanapun, rancangan tersebut belumlah lagi diperaktikkan di institusi penjara di negara kita, tetapi rancangan telah dibuat untuk menggunakan sistem pemulihan cara psikologi ini, dengan siapnya Penjara Khas Kajang kelak.

Mentadbir dan merawat pesalah-pesalah muda dan dewasa secara berasingan adalah perlu. Di samping itu, persoalan bagaimana mereka harus dipulihkan juga perlu diketengahkan. Di Barat, dasar baru yang diamalkan ialah seseorang pesalah cuma dihantarkan ke penjara sekiranya ia gagal dipulihkan melalui institusi pemulih-an yang diujudkan di dalam masyarakat. Di negara kita kejuduan institusi penjara khas untuk pesalah-pesalah muda la itu Sekolah Henry Gurney dan institusi penjara khas untuk pesalah dewasa, menunjukkan langkah positif dalam sistem pemulihan penjara.

Lain-lain faktor yang harus dipertimbangkan ialah bentuk perletakan institusi penjara. Perletakannya yang jauh dari masyarakat dan kemudahan-kemudahan perhubungan dan sistem yang tertutup, boleh mempengaruhi jiwa pesalah-pesalah. Mereka akan merasa kesan-kesan pengasingan, kesunyian dan kobosan hidup di penjara. Kebanyak-kan institusi penjara pula dibentuk atau diujudkan sebelum lahirnya konsep pemulihan. Jadi dasar dan rancangan sebelumnya adalah buerbentuk 'custody treatment', atau yang menekankan kepada kawalan yang selamat keatas pesalah yang dikurung. Kebanyakan kegiatan atau rancangan yang dijalankan adalah untuk motif ekonomi. Keadaan-

Kesadaran seumpama ini tidak seharusnya berlaku lagi dalam institusi pemulihan hari ini. Setiap bentuk dasar dan amalan yang dahulunya menekankan kepada rancangan yang bermotifkan ekonomi, haruslah diubah kepada rancangan yang khusus untuk memulih dan menyediakan bekas-bekas banduan dengan kemahiran dan kelebihan yang dapat menjadikan mereka untuk menghadapi kehidupan yang cerah di sisi masyarakat kelak.

Jumlah penghuni yang terlalu besar juga boleh menjejaskan kejayaan dan pencapaian matlamat pemulihan penjara. Dalam institusi ini, penekanan kuasa lebih banyak digunakan untuk menyertujukan banduan dengan peraturan dan disiplin di dalam penjara. Mereka menggunakan kuasa dalam melibatkan banduan kedalam rancangan yang dijalankan sedangkan banduan tidak berminat dalam rancangan yang dikenakan keatasnya. Mereka memisahkan diri dari banduan tanpa mengetahui akibat yang akan ujud.

Ini semua perlu dilihat kembali dalam usaha untuk menjadikan penjara sebagai sebuah institusi pemulihan yang benar-benar dapat memenuhi mandat masyarakat dan negara, untuk mengurangkan perbuatan jenayah dan anti-sosial dalam masyarakat dan seterusnya memulihkan banduan yang telah sesat supaya kembali ke pangkal jalan.

Rancangan pemulihan yang terbaharu di Barat lebih banyak menekankan keatas penglibatan banduan dengan masyarakat umum, tempat di mana mereka akan kembali kelak. Langkah ini perlu diambil atas alasan bahawa setiap banduan perlu pada perubahan yang berfungsi dalam mengembalikan mereka sebagai ahli masyarakat yang berguna dan sempurna.

Di negara kita, rancangan seperti ini masih lagi terlalu asing. Dasar dan amalan penjara kita masih lagi bersifat tertutup, dimana setiap perubahan pada sikap pesalah cuma berlaku di dalam penjara, tanpa pengaruh dari masyarakat lain, selain masyarakat penjara. Perseorangan yang timbul ialah bagaimana banduan dapat diterima kembali oleh masyarakatnya sedang dalam masa yang begitu panjang mereka dipisahkan dari masyarakatnya. Sudah tentu dalam keadaan ini banduan kelak menghadapi berbagai-bagai masalah dan tekanan yang lahir dari perhubungan yang renggang dengan dengan masyarakatnya.

Satu lagi perseorangan yang timbul ialah masalah yang dihadapi oleh banduan yang menjalani hukuman yang panjang. Hukuman ini sebenarnya berdasarkan pada diri pesalah, tetapi pada kesalahan yang dilakukannya. Perseorangan yang timbul ialah bagaimana atau apakah gunanya latihan-latihan vokasional atau lain-lain kemahiran yang diperolehi di penjara bagi seseorang yang dipenjara selama 20 tahun misalnya. Apakah gunanya kemahiran ini sedangkan sebahagian besar usianya cuma habis di dalam penjara. Jadi apa yang perlu ialah hukuman yang minima dan berpatutan.

Di masa-masa akan datang, penjara mungkin akan menghadapi corak penghuni yang berbeda dari penghuni hari ini. Kemajuan dunia telah melahirkan pesalah-pesalah yang profesional dan berpengalaman. Dalam hal ini mungkin rancangan yang ujud hari ini perlu diubah seandainya ia sudah tidak lagi berfungsi dalam tugas pemulihannya.

Perancangan baru sistem pemulihan penjara. Kepada kerajaan tidak perlu ada rasa takut, ia akan menghasilkan hasil yang bersih kerana kerajaan dibantu. Dalam mempersatukan setiap cita-cita dan matlamat pemulihan dapat dicapai sepenuhnya maka adalah wajar bagi setiap institusi pemulihan untuk melihat kembali akan dasar dan amalan yang lepas guna bagi melihat setakat nonskah rancangan yang sudah dijalankan benar-benar mencapai kejayaannya baik kejayaan pada institusi atau pada banduan yang dibebaskan. Berdasarkan kepada beberapa laporan dan kajian yang telah dijalankan, adlah didapati beberapa pembaharuan dari segi perancangan harus dilakukan dalam menjamin rancangan pemulihan yang akan dijalankan seterusnya benar-benar mencapai matlamat yang diharapkan.

2) Sesikan kreditan dalam menjalankan rancangan pemulihan yang

Perasikitan yang sesuai.

Dari sudut ini perubahan-perubahan haruslah diberikan pada hal-hal berikut :

- 1) Mewujudkan perhubungan yang terbuka dan membolehkan penyertaan banduan dalam proses menentukan rancangan yang akan dijayakannya.
- 2) Setiap Institusi pemulihan harus dapat mewujudkan keyakinan terhadap pesalah-pesalahnya dalam menerima dan menjayakan setiap rancangan yang dijalankan. Di samping itu, rancangan yang dianggap tidak efektif, haruslah dihapuskan.
- 3) Dasar dan amalan yang dijalankan haruslah dapat menggerakkan banduan untuk mencapai identiti sendiri di samping tunduk pada peraturan di dalam penjara. Dalam hal ini peraturan yang dianggap ketat seperti milarang berambut panjang, bermisai dan berjanggut

haruslah liberal sebagai satu penghormatan kepada mereka atau pada adat mereka. Di mana mungkin, pakaian seragam mereka haruslah ditukar pada fesyen kegemaran mereka dengan warna-warna yang disukai mereka. Ini dapat melahirkan perasaan harmoni di samping dapat memupuk identiti di kalangan mereka. Selain dari itu, kunjungan pawat atau saudara aura mereka haruslah diujudkan dalam suasana yang harmoni dan sihat.

- 4) Masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan minoriti banduan haruslah juga diberi perhatian dan penyelesaian yang wajar. Layanan yang sama adil haruslah diberikan pada banduan dan sebarang bentuk diskriminasi perlu dihindarkan sama sekali.
- 5) Setiap institusi pemulihian haruslah mewujudkan perhubungan yang rapat dengan masyarakat semaksime yang boleh. Ini termasuklah penglibatan masyarakat kedalam rancangan pemulihian penjara. Banduan-banduan juga haruslah dibenarkan melibatkan diri dalam kegiatan yang dijalankan di dalam masyarakat, dan
- 6) Setiap institusi pemulihian haruslah meminimakan peraturan dan kawalan dalam usaha untuk mempercepatkan proses pemulihian banduan. Peraturan dan kawalan ini haruslah sekadar yang diperlukan dan tidak melebihi dari yang senantutnya.

Di Barat langkah-langkah yang disebutkan telah mula diperaktikkan.

Di Amerika misalnya terdapat rancangan ' mutual agreement programming' yang merupakan satu inovasi sistem pemulihian yang berperikemanusiaan. Rancangan ini bertujuan bagi menyediakan pesalah untuk hari penbebasannya melalui rancangan parole. Ianya melibatkan kedua-dua pihak

pesalah dan juga kakitangan, bersama-sama terlibat secara formal dalam menjayakan rancangan pemulihan yang dibentuk atas persetujuan kedua-dua pihak. Menurut peraturan, setiap pesalah yang akan dibebaskan haruslah melengkapkan diri mereka dengan salah satu dari rancangan-rancangan berikut iaitu pelajaran, latihan-latihan kemahiran, rawatan dan disiplin atau perkerjaan. Setiap pesalah bertanggung jawab diatas rancangan yang dilibatinya, yang mana ditentukannya sendiri. Jadi ia berkerja untuk melengkapkan dirinya sebelum dibebaskan.

Pelajaran dan latihan vokesyenal.

Setiap institusi pemulihan semasa untuk pesalah muda atau dewasa haruslah menilai kembali rancangan-rancangan pelajaran dan latihan vokesyenal dalam menjamin tercapainya matlamat rancangan pemulihan tersebut. Dileh itu, tumpuan perlulah diberikan kepada kenyataan berikut :

- 1) Setiap institusi haruslah mempunyai rancangan pelajaran yang comprehensive dan bersambungan. Dalam hal ini setiap sekisi pelajaran institusi penjara haruslah mengadakan penilaian tahunan mengenai pencapaiannya dan menganalisa di mana kelemahannya serta cuba memperbaiki kelemahan-kelemahan tersebut. Sukarn peleajaran haruslah berkenbang dan penglibatan di kalangan banuan haruslah bertambah. Bagi guru-guru pula, mereka haruslah mempunyai pengalaman atau pengertian tentang teknik pembelajaran yang baik serta berdidiksi. Di samping itu adalah baik seandainya institusi penjara mengadakan rancangan pelajaran bersama dengan makteb atau institusi

pelajaran yang berdekatan, dan menggunakan kelebihan-kelebihan yang terdapat disitu. Perkhidmatan penasihat pelajar juga dapat membantu menjayakan rancangan tersebut.

2) Setiap institusi penjara harus mempunyai rancangan latihan vokasyenal bagi menyediakan banduan dengan latihan dan kemahiran teknikal yang dapat menjamin kehidupan dan masa depan banduan di sisi masyarakat kelak. Rancangan ini haruslah berupa sebahagian dari usaha mengintegrasikan banduan kepada masyarakat. Rancangan ini juga haruslah dapat mendatangkan kepuasan kepada banduan, bukan semata-mata kepada institusi penjara. Di samping itu, adalah baik jika rancangan ini di jalankan dalam bentuk persatuan dan banduan dibayar gaji yang sama seperti yang dinikmati oleh anggotaasyarakat luar. Untuk menjayakan rancangan tersebut dengan lebih berkesan, penglibatab industri-industri tempatan yang berdekatan adalah perlu. Sebuah badan yang dapat membantu banduan mendapatkan pekerjaan perlu ditubuhkan dalam mempercepatkan usaha pengintegrasian semula banduan kepada masyarakatnya.

3) Rancangan pelajaran dan latihan vokasyenal di masa-masa kehadiran haruslah menekankan kepada rancangan-rancangan yang membangun dan dapat menghasilkan kejayaan yang maksima, di samping membolehkan penyertaan bebas di kalangan banduan terhadap rancangan-rancangan tersebut.

Kesudahan dan rancangan-rancangan masa lapang.

Setiap institusi pemuliharaan haruslah membangunkan rancangan masa lapang sebagai satu aktiviti penting dalam proses pemulih-

1) ~~Penjara~~.

an pesalah. Dalam rancangan ini setiap pesalah haruslah diberi kebebasan dalam memilih rancangan-rancangan yang disukainya.

Di mana mungkin, penglibatan masyarakat luar juga adalah perlu
1) ~~Penjara~~, dalam bersama-sama menjayakan cita-cita pemulihan penjara.

2) ~~Walau bagaimanapun~~, memandangkan institusi penjara di negara kita masih lagi mengamalkan dasar ' custodial treatment ', maka sudah tentulah sebahagian besar dari rancangan yang disebutkan tidak dapat diambil. Tidak seperti di negara-negara Barat, proses pemulihan di negara kita cuma berlaku di dalam penjara. Namun begitu, kemajuan sistem pemulihan Barat telah mendapat perhatian dalam sistem penologi di negara kita. Model-model baru Barat akan cuba dipraktikkan dan langkah pertama kearah itu mungkin dilakukan dengan siapnya Penjara Khas Kajang kelak.

3) ~~Tujuan, Prinsip, dsb.~~

Sebagai kesimpulan, dapatlah dikatakan bahawa amalan setiap institusi pemulihan hari ini ialah mewujudkan rancangan pemulihan yang membina dan bukannya lama masa seseorang itu dipenjarakan. Tidak dapat kita nafikan bahawa kegagalan rancangan pemulihan adalah kesan atau lanjutan dari kegagalan dasar institusi yang lalu. Dalam hal ini pengubah suaiannya adalah perlu dalam menjamin setiap kecacatan yang lalu dapat diperbetulkan. Atas prinsip inilah penjara mengubahkan dasar dan prinsipnya dari sebuah institusi yang berfungsi untuk menghukum dan menyiksa kepada fungsi rawatan dan pemulihan.

4) ~~Kesimpulan~~

5) ~~Ringkasan, Sifat,~~

BIBLIOGRAPHY.

BUKU-BUKU.

- 1) Mockins, Golden. The Prison, University of Chicago Press, 1976.
- 2) Riggs, Hazel, Prison Within Society, Garden City, New York, Doubleday, 1968.
- 3) David,Duffee, Correctional Policy And Prison Organization, New York, J.Wiley, 1975.
- 4) Johnston dan Bruce Norman, The Sociology Of Punishment And Correction, New York, J.Wiley, 1962
- 5) Jones, Howard. Crime and The Penal System, London-University Tutorial Press, 1956.
- 6) Tappan, Paul W. Contemporary Correction, New York-Mc Graw Hill, 1951.
- 7) Tappan, Paul W. Crime, Justice And Correction, New York, Mc Graw Hill, 1960.
- 8) Morris, Norval The Future Of Incarceration, University of Chicago Press, 1974.
- 9) Sutherland, E.H Principals Of Criminology, Lippincott, 1960.
- 10) Jarvis, D.E Institutional Treatment Of The Offender.
- 11) Scott Criminal Rehabilitation, 1973.
- 12) Bammerley, Calif. Pattern In Two Penal Institution, Glendessary Press, 1971.

- 13) Glasser, Daniel The Effectiveness Of A Prison-And Parole System, Bobbs Merrill, 1969.
- 14) Riggs, Hazel A Reader In Penology, Gardner City, New York Doubleday, 1969.
- 15) Minton. Inside Prison American Style, New York, Vintage Books, 1972.
- 16) Patterson. Correction, Problem And Prospect, Englewoods Cliff, N.J. Prentice Hall, 1975.
- 17) Britt, G.T. Central Youth Employment Executif, The Prison Service, London, 1965.
- 18) Morris, Pauline Prisoner and Their Family, P.E.P. London, 1965.
- 19) Dahlin, Donald C. South Dakota Jail, University of - South Dakota, 1971.
- 20) Benjamin Frank. Contemporary Correction, Prentice-Hall, 1973.
- 21) Calvert C. Dodge. A Nation Without Prison, Lexington-Books, 1975.
- 22) Leonard Orland. Justice, Punishment, Treatment, The Free Press, N.York, 1973.
- 23) Douglas Lipton,
Robert Martinson dan
Judith Wilks. - The Effectiveness Of Correctional Treatment- A survey of treatment evaluation studies, New York, 1975.
- 24) Mc. Conville. The Used Of Inprisontment, 1975.

- 25) Hefferman, E. Making It In Prison,- The Square,
The Cool and The Life, New York,
J.Miley, 1972.
- 26) Albert K. Cohen. Prison Violence, Lexington Mass,
Lexington Books, 1976.
- 27) Sommer, Robert. The End Of Imprisonment, New York,
Oxford University Press, 1976.

BAHAN-BAHAN YANG TIDAK TERCITAK.

- 28) Gazali Othman. Treatment keatas banduan-banduan
dalam penjara Pudu, Latihan Ilmiah,
1974/75.
- 29) Samat Mahat. Bentuk-bentuk hukuman dan treatment
di Malaysia Barat kini. Latihan-
ilmiah 1974/75.
- 30) Sanuddin Othman. Pola-Pola banduan lelaki Penjara Pudu,
Latihan Ilmiah 1973/74.
- 31) Mohammad Ishak. Penyalahgunaan kerja di kalangan
bekas-bekas banduan. Latihan Ilmiah,
1977/78.

JOURNAL-JOURNAL.

- 32) Crime and Delinquency, Vol. 19, no.2,
— April, 1973.
- 33) The Prison Journal, Vol.55, no. 1, 1975.
- 34) Criminal Law Review, Vol.7& 1971.
- 35) Australian Journal Of Social Issues,

SURAT KHASAR, DAN LAPURAN-LAPURAN.

- 36) Malay Mail, Ogos, 1970.
- 37) Utusan Melayu, Januari, 1974.
- 38) Laporan Ekonomi 1974/75, Perbadanan Malaysia.
- 39) National Advisory Commission On-Criminal Justice Standard and Goal.
Washington D.C. U.S. Government-
Printing Office, 1975.
- 40) President's Commission Of Law En-
forcement and Administration of
Justice, Task Force Report, Correction,
Washington D.C. U.S. Gov. Printing
Office, 1967.